Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

# BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

**RUJUKAN: 1 – 3 JUN 2021**

**BIL. 12 /2021**

## RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

## 1. PENDAHULUAN

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 3 Jun 2021 **kumulatif kes sembuh bertambah kepada 508,947** atau 85.5 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **83,331 kes yang masih aktif**. Sementara itu, terdapat **8,209 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **595,374 kes.** Penularan tempatan meliputi **99.2 peratus** atau **8,145 kes** daripada catatan harian dengan **86.5 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 64 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 43.3 peratus**, Wilayah Malaysia Timur (19.5 peratus), Zon Selatan (16.9 peratus), Zon Utara (12.0 peratus) dan Zon Pantai Timur (8.2 peratus). Diperingkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Selangor** dengan **3,125 kes** disusuli Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (801 kes), Johor (752 kes), Sarawak (594 kes), Negeri Sembilan (576 kes) dan Kelantan (414 kes). Sejumlah **3,096 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **103 kematian terbaharu** sementara **rekod harian tertinggi kematian** adalah **126 kes** yang dicatatkan pada 2 Jun 2021.

Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 2 Jun 2021 menunjukkan seramai **2,098,189** telah **divaksinasi**. Diperingkat negeri, **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **355,966** diikuti Selangor dengan 302,031. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Johor (195,988), Sarawak (195,333), Perak (168,729), Sabah (144,560), Kedah (136,208) manakala Pahang dan Kelantan masing-masing merekodkan 108,655 dan 105,725. Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin adalah **3,212,873 meliputi 2,098,189** penerima bagi **dos pertama** manakala **1,114,684** telah menerima **dos yang kedua**.

Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut;

US: **Sentimen pengguna menurun pada bulan Mei 2021**. Sentimen pengguna US merosot pada bulan Mei apabila pengguna semakin pesimis ke atas kenaikan inflasi. Indeks Sentimen Pengguna Universiti Michigan jatuh ke 82.9 pada Mei 2021 dari 88.3 yang dicatatkan pada April 2021. (Reuters)

US: **Indeks Harga Pengguna US melonjak pada bulan April 2021**, dengan tingkat inflasi yang melepasi sasaran 2% oleh Federal Reserve. Inflasi US telah mencatatkan kenaikan tahunan terbesar sejak tahun 1992, didorong oleh peningkatan permintaan dan penawaran yang terpendam apabila sektor ekonomi dibuka semula. Bacaan inflasi yang tinggi yang dilaporkan oleh Commerce Department telah didorong oleh keadaan wabak COVID-19 yang semakin mereda hasil daripada program vaksinasi. (Reuters)

EU: **Sentimen ekonomi EU mencapai paras tertinggi tiga tahun.** Sentimen ekonomi meningkat lebih tinggi dari yang dijangkakan ke paras tertinggi bagi tiga tahun pada bulan Mei 2021. Data yang diterbitkan oleh European Commission menunjukkan lonjakan pada aktiviti perkhidmatan, peruncitan dan dan pengguna apabila kerajaan melonggarkan sekatan pergerakan. Indeks sentimen ekonomi meningkat kepada 114.5 mata pada bulan Mei 2021 daripada 110.5 pada bulan April 2021. Data ini melepasi jangkaan peningkatan ke 112.1 oleh penganalisis ekonomi dan merupakan yang tertinggi sejak Januari 2018. (RTT)

EU: **Harga Pengeluar (IHPr) Greece meningkat manakala kadar pengangguran turun.** Hellenic Statistical Authority melaporkan IHPr Greece meningkat pada bulan April 2021 dan kadar pengangguran menurun pada bulan Februari 2021. Statistik menunjukkan IHPr negara tersebut meningkat 14.6% tahun ke tahun pada bulan April 2021 berbanding kenaikan 9.1% pada bulan sebelumnya. IHPr domestik meningkat 10.7% manakala IHPr bukan pasaran domestik meningkat 28.9% pada bulan rujukan. (RTT)

EU: **IHPr Italy meningkat untuk bulan ketiga berturut-turut.** Data yang diterbitkan oleh Istat menunjukkan IHPr Italy meningkat 6.5% tahun ke tahun pada bulan April 2021 berbanding kenaikan 2.7% pada bulan Mac 2021. Pada asas perbandingan bulan ke bulan, harga pengeluar meningkat 1.1% pada bulan April 2021 daripada kenaikan 0.9% pada bulan sebelumnya. (RTT)

EU: **Pertumbuhan M3 perlahan** pada bulan April 2021. Penawaran wang zon Eropah dan pertumbuhan kredit kepada sektor swasta bertumbuh pada kadar yang lebih perlahan pada bulan April 2021. European Central Bank melaporkan agregat monetari M3 meningkat 9.2% tahun ke tahun pada bulan April, tetapi lebih perlahan daripada kenaikan 10% pada bulan Mac 2021. Pertumbuhan tahun ke tahun bagi ukuran M1 perlahan kepada 12.3% daripada 13.6% pada bulan sebelumnya. Pinjaman kepada penduduk di zon Eropah meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 7.7% pada bulan April. Kredit kepada sektor kerajaan meningkat mendadak sebanyak 18% dan kredit kepada sektor swasta meningkat kepada 4% berbanding 4.6% pada bulan Mac 2021. (RTT)

EU: **Kadar inflasi Germany meningkat lebih tinggi daripada sasaran ECB** pada bulan Mei 2021. Indeks harga pengguna (IHP) Germany meningkat 2.4% pada bulan Mei dari 2.1% pada bulan April 2021. Penganalisis mengunjurkan peningkatan 2.5%. Inflasi zon Eropah menghampiri 2%, kadar terpantas dalam tempoh beberapa tahun, dipengaruhi oleh dasar fiskal dan penurunan harga minyak tahun lalu. (Reuters)

India: **Ekonomi menghadapi ujian ketahanan diambang risiko penularan wabak COVID-19.** Ketahanan ekonomi India sedang diuji oleh kemampuannya untuk mengatasi wabak COVID-19 yang sedang menular. Pada ketika ini, ekonomi negara kedua yang mempunyai penduduk yang teramai itu dilihat berada di landasan untuk berkembang 10% pada tahun ini. Reserve Bank of India menyatakan bahawa kesan terbesar dari gelombang kedua COVID-19 ini adalah permintaan, di mana hilangnya mobiliti, pengurangan perbelanjaan dan kehilangan pekerjaan. (Bloomberg)

South Korea: **Pengeluaran industri South Korea merosot -1.6% asas bulan ke bulan pada April 2021.** Statistic Korea melaporkan pertumbuhan pelarasan bermusim pengeluaran perindustrian South Korea turun 1.6% pada bulan April 2021. Pada asas perbandingan tahun ke tahun, pengeluaran perindustrian melonjak 12.4%, melepasi ramalan peningkatan 11.2% setelah mencatatkan kenaikan 4.4% pada bulan sebelumnya. (RTT)

China: **Sektor Perkhidmatan meningkat pada bulan Mei 2021**. Aktiviti di sektor Perkhidmatan China berkembang pada kadar yang lebih pantas pada bulan Mei 2021. Peningkatan ini didorong oleh penggunaan domestik. Indeks Pengurus Pembelian bukan pembuatan (*non-Manufacturing PMI*) meningkat kepada 55.2 daripada 54.9 pada bulan April 2021. Menurut National Bureau of Statistics (NBS), walaupun pertumbuhan lebih perlahan berbanding sektor Pembuatan, peningkatan penggunaan secara beransur-ansur mendorong peningkatan aktiviti di sektor Perkhidmatan. Komposit PMI Mei 2021, yang merangkumi aktiviti pembuatan dan perkhidmatan, meningkat kepada 54.2 dari 53.8 April. (Reuters)

India: **Ekonomi India menyusut -7.3% pada tahun fiskal 2021**. Kerajaan India telah meramalkan penurunan KDNK pada kadar -8%. Pada tahun fiskal 2019-20, ekonomi India bertumbuh 4%. Pada suku tahun Januari hingga Mac, ekonomi India mencatatkan pertumbuhan 1.6% tahun ke tahun, yang lebih tinggi daripada pertumbuhan 1% yang telah diramalkan oleh penganalisis ekonomi. Data menunjukkan bahawa defisit fiskal untuk tahun kewangan 2020-21 adalah 9.3% daripada KDNK. (RTT)

Japan: **Output sektor Pembuatan Jepun pada bulan April 2021 meningkat**, disokong permintaan barangan modal. Ekonomi ketiga terbesar di dunia dijangka berkembang pada suku tahun ini pada kadar yang jauh lebih perlahan daripada yang dijangkakan apabila kerajaan memanjangkan langkah-langkah kecemasan COVID-19 di Tokyo dan kawasan-kawasan utama lainnya. Data rasmi yang dikeluarkan menunjukkan output kilang meningkat 2.5% pada bulan April 2021 dari bulan sebelumnya. Peningkatan pengeluaran jentera elektrik am dan elektrik yang lebih tinggi mengimbangi penguncupan dalam output kenderaan dan peralatan pengangkutan. (Reuters)

Japan: **Pembinaan kediaman baharu meningkat manakala keyakinan pengguna semakin melemah**. Pembinaan kediaman baharu meningkat 7.1% tahun ke tahun pada bulan April 2021, mengatasi kenaikan 1.5% pada bulan Mac 2021. (RTT)

Thailand: **Ouput sektor Pembuatan Thailand mencatat kenaikan terbesar** pada April 2021 dalam lebih dari 8 tahun. Indeks pengeluaran pembuatan Thailand (MPI) pada bulan April meningkat untuk bulan kedua berturut-turut dan pada kadar terpantas dalam lebih dari lapan tahun. MPI melonjak 18.46% dari tahun sebelumnya, mengatasi ramalan pada kadar 14.6% dan berbanding kenaikan 5.89% pada bulan sebelumnya. (Reuters)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka terkesan** dengan Perintah Kawalan Pergerakan 3.0. **MIDF Research menyemak semula ramalan pertumbuhan KDNK bagi tahun 2021 kepada 4.6 peratus,** lebih rendah daripada unjuran sebelumnya sebanyak 6.2 peratus. Walau bagaimanapun, kesan PKP 3.0 dijangka masih terkawal berbanding PKP 1.0 ekoran daripada senarai sektor penting yang lebih luas kerana perniagaan yang terlibat dalam rantaian bekalan sektor penting juga dibenarkan beroperasi.

2. Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan **(PEMERKASA+) membantu usahawan termasuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) untuk mengekalkan daya tahan perniagaan** sepanjang sekatan pergerakan penuh selama dua minggu. Pemberian insentif berjumlah RM11.5 juta itu termasuk bantuan geran dan pembiayaan yang memberi manfaat kepada usahawan.

3. **Pakej rangsangan** yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri merupakan salah satu **inisiatif membantu rakyat yang terjejas** akibat penutupan beberapa sektor sepanjang PKP. Kerajaan Terengganu melancarkan **Bantuan Ekonomi Rakyat Terengganu 3.0 (Berkat 3.0) dengan peruntukan RM6.4 juta** manakala **Kelantan memperuntukkan RM2.7 juta menerusi Pakej Bantuan Cakna Rakyat Covid-19.**

4. **Harga runcit petrol RON97 naik sebanyak 2 sen seliter** kepada RM2.63 seliter bagi tempoh 3 Jun 2021 sehingga 9 Jun 2021. Bagi melindungi pengguna daripada kesan kenaikan harga sebenar minyak di pasaran global, **kerajaan mengekalkan harga** runcit petrol **RON95** pada paras harga siling **RM2.05 seliter** dan **diesel RM2.15 seliter**, sungguhpun harga pasaran sebenar bagi kedua-dua produk telah meningkat melebihi paras harga siling yang telah ditetapkan.

5. **Pengecualian cukai jualan** yang telah dilanjutkan untuk sektor automotif hingga akhir disember 2021, adalah pemangkin kuat untuk **mengatasi gangguan terhadap pengeluaran dan penjualan** semasa Perintah Kawalan Pergerakan 3.0.

6. Penutupan sektor ekonomi disebabkan *total lockdown* akan mengakibatkan **gangguan rantaian bekalan** yang juga akan memberi kesan jangka panjang terhadap perdagangan dan pelaburan terhadap Malaysia untuk terus bersaing dalam rantaian nilai global. Pembukaan sektor Elektrik & Elektronik akan membolehkan operasi berterusan infrastruktur kritikal di seluruh dunia dan juga telah memudahkan e-dagang dan pekerjaan jarak jauh dalam norma baharu.

7. Protect Health Corporation Sdn Bhd **(ProtectHealth) yang dilantik sebagai badan pelaksana pembabitan pengamal perubatan swasta** dalam PICK memaklumkan hampir 800 daripada 2,600 pengamal perubatan swasta yang sudah berdaftar telah menyatakan **kesediaan untuk menjalankan vaksinasi**.

8. **Penggunaan pengangkutan awam** di seluruh negara dijangka terkesan berikutan **kapasiti penumpang telah dihadkan kepada 50 peratus**. Selain itu, **waktu operasi** bagi perkhidmatan awam juga **disingkatkan dari pukul 8 pagi ke 8 malam. Purata pengguna harian ERL merosot** sebanyak 69 peratus pada 2020 berbanding 2019 dan purata penumpang terus merosot sebanyak 89 peratus pada 1 Mei 2021.

9. Prestasi **Kenanga Investment Bank Bhd meningkat** pada suku tahun pertama 2021 disumbangkan oleh segmen pembrokeran saham dan segmen pelaburan.

10. Pendapatan **AMMB Holdings Bhd. (AmBank Group) melonjak** 7.7 peratus bagi suku tahun keempat berakhir 31 Mac 2021.

11. Bermula 1 Jun 2021, **ASTRO** telah menawarkan kepada para pelanggannya **aplikasi Disney+ Hotstar iaitu lebih daripada 800 filem dan 18,000 episod** termasuk filem pecah panggung dan siri-siri Marvel, kandungan kegemaran Disney, Disney+ Originals, filem-filem dan siri drama tempatan serta Asia yang terkenal.

12. **Toyota dan Honda Motor** menghentikan sementara pengeluaran di kilang mereka di Malaysia susulan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan 3.0.

13. Subsektor **sawit, getah, koko dan lada serta rantaiannya dibenarkan meneruskan operasi** sepanjang pelaksanaan penuh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 1 hingga 14 Jun ini.

14. **Produktiviti pengeluaran sarung tangan getah dijangka akan terkesan** sedikit berikutan arahan kerajaan yang hanya membenarkan industri untuk beroperasi dengan **kapasiti kehadiran pekerja sebanyak 60 peratus** sahaja.

15. Jumlah **eksport sektor berasaskan kayu meningkat** 9.9 peratus tahun ke tahun kepada RM6.04 bilion pada suku pertama 2021 walaupun negara pengeksport utama iaitu Eropah, Amerika Syarikat dan Oceania sedang berdepan dengan wabak Coronavirus, kata *Malaysian Timber Council* (MTC).

16. Penyedia perkhidmatan e-dompet yang terbabit dalam **eBelia** mempunyai **30 juta pengguna aktif** dan jaringan lebih 1 juta peniaga di dalam dan di luar talian. Hal ini membolehkan program eBelia dilaksanakan untuk mencapai

lebih ramai belia dan pelajar. Manakala, **RM70 juta** telah dibelanjakan untuk menggalakkan perbelanjaan rakyat dan belia secara dalam talian demi **menarik minat Perusahaan Kecil Sederhana (PKS)** dan **belia** beralih ke **platform digital.**

17. Peruntukan sebanyak **RM322.5 bilion** telah diluluskan Parlimen di bawah **Belanjawan 2021** di mana sehingga April 2021, sebanyak RM117 bilion telah dibelanjakan. Ini bermakna terdapat **RM215 bilion** untuk **dibelanjakan** sehingga **Disember 2021** untuk manfaat rakyat. Inisiatif kerajaan adalah untuk membantu rakyat seperti kenaikan kadar bantuan kebajikan untuk golongan rentan, Jalinan Digital Negara (JALINAN), Dana Kredit Mikro, eBelia dan lain-lain demi kelangsungan hidup rakyat menghadapi pandemik Covid-19.

18. **Kerajaan Negeri Selangor** memperuntukkan **RM500,000** untuk **membeli lambakan hasil pertanian menerusi Program Agro Prihatin Selangor**. Urusan pembelian akan dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri Selangor, FAMA serta seluruh jabatan dan agensi di bawah Jawatankuasa Pertanian & Perladangan dan Industri Asas Tani.

19. ***Malaysia Digital Economy Corporation*** **(MDEC)** memulakan program **'100 *Go Digital Coaching'*** edisi bertujuan bagi **menyokong** kira-kira **875,000 perusahaan kecil dan sederhana serta mikro (PKSM) dalam platform digital menjelang 2025.** Langkah ini bagi memastikan perniagaan terus berdaya saing, mampan dan mencatatkan keuntungan semasa pandemik.

20. Sejumlah **128,150 syarikat (1.57 juta pekerja)** atau sebanyak **21.86 peratus** daripada 586,308 syarikat (10.2 juta pekerja) telah mendapat **kelulusan untuk beroperasi** semasa **Perintah Kawalan Pergerakan 3.0.** Kelulusan di bawah ***Covid-19 Intelligent Management System*** **(CIMS) 3.0** kendalian **Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)** melibatkan pelbagai sektor daripada 15 Kementerian yang meliputi 17 kategori perkhidmatan perlu.

21. **Pelanjutan Program Subsidi Upah (PSU)** selama satu bulan sehingga akhir Julai akan melibatkan syarikat daripada semua sektor. Kerajaan menyediakan **tambahan RM1.5 bilion** di bawah program ini yang akan memberi **manfaat** kepada **2.5 juta pekerja** dan **200 ribu majikan** melibatkan sehingga 500 pekerja bagi setiap syarikat.

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Harian Metro**<br>1 Jun 2021<br>(*Essential*) | **2 fokus PRE Ihsan Johor 3.0**<br><br>Kerajaan Negeri Johor akan mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Ihsan Johor 3.0. Pakej ini memberi fokus kepada dua perkara iaitu pemerkasaan pengurusan pandemik di Johor dan juga pengukuhan bantuan keselamatan sosial kepada rakyat yang memerlukan. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/712660/2-fokus-pre-ihsan-johor-30 |
| 2. | **New Straits Times**<br>2 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Pemerkasa+ less generous, more about accelerating vaccination rollout: Economists**<br><br>The latest stimulus package's main objective was to provide assistance to the groups that would be immediately affected and to hasten the community vaccination programme.<br><br>Kenanga Research revised down its 2021 gross domestic product growth forecast this year to 5.0-6.0 per cent from 6.0- 6.5 per cent. | https://www.nst.com.my/business/2021/06/695128/pemerkasa-less-generous-more-about-accelerating-vaccination-rollout |
| 3. | **New Straits Times**<br>2 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Glove manufacturers coping with 60pc workforce during MCO 3.0, says MARGMA**<br><br>Demand for gloves remains extremely robust for the healthcare sector.<br>As Europe and America move towards a recovery economic agenda, it means the awakening of the non- | https://www.nst.com.my/business/2021/06/695235/glove-manufacturers-coping-60pc-workforce-during-mco-30-says-margma |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | healthcare sectors such as food handling, industrial, cleanroom laboratory, dermatology, tattooing and so forth. These sector requires about 17 per cent of all gloves produced and this will be a hefty number to contend with. | |
| 4. | **Harian Metro**<br>2 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Berkat 3.0 bantu rakyat Terengganu yang terjejas**<br><br>Kerajaan negeri melancarkan Bantuan Ekonomi Rakyat Terengganu 3.0 (Berkat 3.0) dengan peruntukan RM6.4 juta bagi membantu golongan yang terjejas akibat penutupan beberapa sektor sepanjang Sekatan Pergerakan Penuh (SPP). Antara inisiatif yang diberikan adalah memberi penangguhan atas sewaan premis perniagaan milik kerajaan negeri, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk Jun dan Julai. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/713082/berkat-30-bantu-rakyat-terengganu-yang-terjejas |
| 5. | **Harian Metro**<br>2 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Salur RM2.7 juta bantu penduduk Kelantan**<br><br>Kerajaan negeri Kelantan memperuntukkan RM2.7 juta sebagai bantuan kepada golongan yang terkesan akibat penularan Covid-19 menerusi Pakej Bantuan Cakna Rakyat Covid-19. Antara bantuan yang disalurkan adalah memperuntukkan sebanyak RM60,000 kepada setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) dan perlanjutan bayaran cukai tanah semasa. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/713088/salur-rm27-juta-bantu-penduduk-kelantan |

| |
|---|
| Penemuan penting & isu:<br>1. Produktiviti pengeluaran sarung tangan getah dijangka akan terkesan sedikit berikutan arahan Kerajaan yang hanya membenarkan industri untuk beroperasi dengan kapasiti kehadiran pekerja sebanyak 60 peratus sahaja.<br><br>2. Pakej rangsangan yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri merupakan salah satu inisiatif membantu rakyat yang terjejas akibat penutupan beberapa sektor sepanjang Sekatan Pergerakan Penuh (SPP). Kerajaan Terengganu melancarkan Bantuan Ekonomi Rakyat Terengganu 3.0 (Berkat 3.0) dengan peruntukan RM6.4 juta manakala Kelantan memperuntukkan RM2.7 juta menerusi Pakej Bantuan Cakna Rakyat Covid-19. |
| Maklumbalas Bahagian:<br><br>1. Pelaksanaan *lockdown* penuh dengan SOP yang lebih ketat dan kebenaran operasi kepada sektor keperluan utama dijangka akan memberi kesan kepada pemulihan ekonomi negara. Pada ST1 2021, ekonomi Malaysia merekodkan pertumbuhan marginal negatif 0.5 peratus.<br><br>2. Permintaan terhadap produk sarung tangan getah dijangka akan terus meningkat terutamanya daripada sektor penjagaan kesihatan. Pada tahun 2020, subsektor pembuatan produk getah bernilai sebanyak RM12.1 bilion dan merekodkan pertumbuhan dua digit iaitu 52.1 peratus. Subsektor ini menyumbang sebanyak 0.9 peratus kepada KDNK Negara.<br><br>3. Pakej rangsangan yang diumumkan kerajaan negeri merupakan langkah terbaik dalam membantu mengimbangi kesan negatif ke atas ekonomi dan pendapatan boleh guna. Terdapat beberapa inisiatif bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan menyokong para peniaga terutamanya bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) agar berdaya tahan, lebih-lebih lagi dalam menghadapi cabaran ekonomi yang agak muram pada masa ini. Pada tahun 2019, Kelantan merekodkan nilai ditambah sebanyak RM25.4 bilion dan mencatatkan pertumbuhan 5.3 peratus (2018: 2.6%). Sementara itu, Terengganu merekodkan nilai ditambah berjumlah RM36.0 bilion dengan mencatatkan pertumbuhan pada kadar 3.3 peratus. |

| B. | Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan** | | |
| 1. | **Astro Awani**<br>3 Jun 2021<br>*(Essential)* | **PKP 3.0: ERL gantung semua perkhidmatan mulai Jumaat**<br><br>Express Rail Link Sdn Bhd (ERL) akan menggantung semua perkhidmatan trennya mulai Jumaat ini (4 Jun) sehingga notis lanjut susulan pelaksanaan sekatan pergerakan penuh atau Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0. | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pkp-30-erl-gantung-semua-perkhidmatan-mulai-jumaat-301248 |
| | **B. Subsektor Kewangan** | | |
| 2. | **The Edge Markets**<br>1 June 2021<br>*(Essential)* | **Pertama Digital ropes in INFOPRO to apply for digital bank licence from BNM.**<br><br>Pertama Digital Bhd has roped in banking-as-a-service provider INFOPRO Sdn Bhd in its consortium to apply for a digital bank licence from Bank Negara Malaysia (BNM). NFOPRO has served more than 100 banks across 32 countries, mostly located in Southeast Asia and Africa, and boasts a long list of local and international certifications and awards. | https://www.theedgemarkets.com/article/pertama-digital-ropes-infopro-apply-digital-bank-licence-bnm |
| 3. | **The Edge Markets**<br>1 June 2021<br>*(Essential)* | **Kenanga reports RM34m for 1Q on higher contribution from broking segment, profit share from Rakuten JV**<br><br>Kenanga Investment Bank Bhd posted a net profit of RM34.16 million for the first quarter ended March 31, 2021 (1QFY21), | https://www.theedgemarkets.com/article/kenanga-reports-rm34m-1q-higher-contribution-broking-segment-profit-share-rakuten-jv |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | compared with a net loss of RM6.95 million a year ago.<br><br>Revenue surged 51.28% to RM250.12 million from RM165.33 million. The strong performance was mainly attributed to higher contributions from the stock broking segment and the investment and wealth management segment, as well as higher share of profits from the joint venture with Rakuten Trade. | |
| 4. | **Utusan Malaysia**<br>1 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Pendapatan Ambank melonjak 7.7 peratus**<br><br>AMMB Holdings Bhd. (AmBank Group) merekodkan pendapatan sebanyak RM4.6 bilion dan keuntungan sebelum peruntukan sehingga RM2.4 bilion bagi suku keempat berakhir 31 Mac 2021, masing-masing melonjak 7.7 dan 14.2 peratus berbanding suku sama tahun sebelumnya yang mencerminkan kekuatan francais kumpulan yang pelbagai dan strategi pengurusan yang kos efektif.<br><br>Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Sulaiman Mohd. Tahir berkata, kumpulan turut mencatat keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATMI) teras sebanyak RM961.6 juta selepas disesuaikan untuk item terkecuali sebanyak RM4.8 bilion dan perbelanjaan perundangan serta profesional yang berkaitan. | https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/06/pendapatan-ambank-melonjak-7-7-peratus/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 5. | **The Edge Markets**<br>2 June 2021<br>*(Essential)* | **BNM: All loan borrowers with reduced income eligible for lower monthly installments**<br><br>The central bank clarified that under the latest loan repayment assistance, the B40 recipients of Bantuan Sara Hidup/Bantuan Prihatin Rakyat, and for facilities with approved amounts of up to RM150,000, microenterprises as well as small and medium enterprises which are not allowed to operate during the lockdown can choose either a three-month moratorium or reduction of monthly instalments by 50% for six months. | https://www.theedgemarkets.com/article/bnm-all-loan-borrowers-reduced-income-eligible-lower-monthly-instalments |
| | **C. Subsektor Makanan dan Minuman** | | |
| 6. | **Malaysiakini**<br>1 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Hari pertama "total lockdown": Nak balik modal pun tak lepas**<br><br>Ketika sekatan pergerakan penuh (*total lockdown*) mula dilaksanakan hari ini, peniaga kecil yang terhimpit oleh keadaan semasa adalah antara golongan yang terjejas teruk.<br><br>Dalam kalangan peniaga kecil di sekitar Kota Bharu hari ini mendapati jumlah jualan mereka tidak cukup pun untuk menampung kos yang dikeluarkan untuk membeli barangan jualan. | https://m.malaysiakini.com/news/577156 |
| | **D. Subsektor Penginapan** | | |
| 7. | **Berita Harian**<br>1 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Penginapan hotel untuk kuarantin antara dibenar beroperasi** | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/823240/penginapan-hotel- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Hanya penginapan hotel untuk tujuan kuarantin, pengasingan dan pekerjaan bagi perkhidmatan perlu sahaja dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh sekatan pergerakan penuh mulai hari ini hingga 14 Jun. | untuk-kuarantin-antara-dibenar-beroperasi |
| 8. | **Harian Metro**<br>1 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Hanya hotel untuk kuarantin, pekerjaan perkhidmatan perlu dibenar beroperasi**<br><br>Hanya penginapan hotel untuk tujuan kuarantin, pengasingan dan pekerjaan bagi perkhidmatan perlu sahaja dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh sekatan pergerakan penuh hingga 14 Jun ini, menurut Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/712716/hanya-hotel-untuk-kuarantin-pekerjaan-perkhidmatan-perlu-dibenar-beroperasi |
| | **E. Subsektor Kesihatan** | | |
| 9. | **Berita Harian**<br>1 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Tangani 'sekatan' pembabitan GP swasta beri vaksin**<br><br>Kerajaan perlu menyelesaikan pelbagai 'sekatan' untuk menggunakan perkhidmatan pengamal perubatan (GP) sektor swasta bagi mempercepatkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK). | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/823128/tangani-sekatan-pembabitan-gp-swasta-beri-vaksin |
| 10. | **Berita Harian**<br>1 Jun 2021<br>*(Essential)* | **3 PPV tambahan di Pulau Pinang**<br><br>Kerajaan Pulau Pinang akan menambah tiga lagi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) menjadikan keseluruhannya lapan PPV di negeri ini dalam usaha mempercepatkan Program | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/823289/3-ppv-tambahan-di-pulau-pinang |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).<br><br>Enam hospital swasta turut akan terbabit dalam program PICK di negeri ini. | |
| 11. | **Berita Harian**<br>1 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Rundingan semula percepat bekalan vaksin**<br><br>Malaysia mengadakan rundingan semula dengan syarikat pembekal vaksin dari seluruh dunia, bagi mempercepat penghantaran bekalan.<br><br>Bahagian Kawal Selia Farmasi Negara (NPRA) juga sedang giat melakukan penilaian terhadap vaksin satu dos daripada Cansino.<br><br>PPV klinik swasta sudah mula beroperasi. Jumlah ini akan terus ditambah menjelang akhir Jun. Kerajaan menyasarkan 1,000 PPV klinik swasta bagi membolehkan capaian vaksinasi yang lebih mudah kepada orang ramai. | https://www.harian.com.my/berita/nasional/2021/06/823131/rundingan-semula-percepat-bekalan-vaksin |
| 12. | **Astro Awani**<br>1 Jun 2021<br>*(Essential)* | **PICK: Pemberian 'lampu hijau' kepada pengamal perubatan swasta akan diselesaikan segera - ProtectHealth**<br><br>Lebih 2,600 pengamal perubatan am swasta (GP) telah berdaftar dengan ProtectHealth sejak 8 Mac 2021 sehingga kini.<br><br>Sehingga kini, lebih 200 Pengamal Perubatan Swasta telahpun menjadi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) dan | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pick-pemberian-lampu-hijau-kepada-pengamal-perubatan-swasta-akan-diselesaikan-segera-protecthealth-301006 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | menjalankan vaksinasi di bawah PICK. | |
| 13. | **Berita Harian**<br>2 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Makmal diagnostik PBM diluluskan buat ujian saringan COVID-19**<br><br>Kerajaan negeri melalui Perbadanan Bioteknologi Melaka (PBM) melakar sejarah apabila Makmal Diagnostik COVID-19 miliknya diberi kelulusan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) bagi menjalankan ujian makmal RT-PCR dan RTK-Ag untuk mengesan jangkitan COVID-19.<br><br>Sehingga kini, terdapat 35 fasiliti swasta yang telah diiktiraf untuk menjalankan ujian tersebut di seluruh negara termasuk kini sebuah makmal swasta di Melaka. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/823714/makmal-diagnostik-pbm-diluluskan-buat-ujian-saringan-covid-19 |
| 14. | **Astro Awani**<br>3 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Harga siling vaksin di klinik, hospital swasta perlu selaras - Dr Malina**<br><br>Kerajaan digesa supaya menyelaraskan harga siling perkhidmatan pemberian vaksin COVID-19 di semua klinik dan hospital swasta di seluruh Negara bagi mengelakkan adanya pihak yang mengambil kesempatan memandangkan permintaan terhadap vaksin semakin meningkat. | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/harga-siling-vaksin-di-klinik-hospital-swasta-perlu-selaras-dr-malina-301256 |
| | **F. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 15. | **Malaysia Gazette**<br>1 Jun 2021<br>(*Non-Essential*) | **Toyota, Honda henti pengeluaran sepanjang PKP**<br><br>Toyota Motor Corp dan Honda Motor Co menghentikan | https://malaysiagazette.com/2021/06/01/toyota-honda-henti-pengeluaran-sepanjang-pkp/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | sementara pengeluaran di kilang mereka di Malaysia susulan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan lebih ketat mulai hari ini selama dua minggu untuk menghentikan penularan jangkitan COVID-19. | |
| 16. | **Malaysia Gazette**<br>1 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Subsektor Perladangan, komoditi boleh beroperasi**<br><br>Sebagai perkhidmatan perlu di bawah perladangan dan komoditi, subsektor sawit, getah, koko dan lada serta rantaiannya dibenarkan meneruskan operasi sepanjang pelaksanaan penuh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 1 hingga 14 Jun ini.<br><br>Aktiviti ini melibatkan penuaian, pengumpulan, pengangkutan dan penyelenggaraan pada peringkat ladang, kebun serta tapak semaian boleh dilaksanakan dengan kehadiran pekerja pada tahap optimum. | https://malaysiagazette.com/2021/06/01/subsektor-perladangan-komoditi-boleh-beroperasi/ |
| 17. | **Bernama**<br>1 Jun 2021<br>(*Non-Essential*) | **Pengecualian cukai jualan sektor auto dapat atasi gangguan dalam pengeluaran/ penjualan**<br><br>Pengecualian cukai jualan yang telah dilanjutkan untuk sektor automotif hingga akhir disember 2021, adalah pemangkin kuat untuk mengatasi gangguan terhadap pengeluaran dan penjualan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan ditengah kekurangan pengeluaran cip di seluruh dunia. | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1967382 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 18. | **Bernama**<br>1 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Syarikat Perdagangan Edaran perlu memohon surat kebenaran baharu melalui CIMS MITI**<br><br>Semua syarikat sektor perdagangan pengedaran dibawah seliaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang dibenarkan berperasi sepanjang tempoh sekatan pergerakan penuh mulai 1 Jun 2021 sehingga 14 Jun 2021 diminta untuk memohon semual surat kebenaran baharu di pautan COVID-19 Intelligent Management Systems (CIMS) Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri. | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1967333 |
| 19. | **Sinar Harian**<br>3 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Guardian Malaysia turun, kunci harga 1,500 barang keperluan**<br><br>Guardian Malaysia melancarkan inisiatif 'Harga Rendah DiKunci Untuk Kekal Rendah' di seluruh negara dengan menurunkan dan mengunci harga 1,500 barangan keperluan kesihatan, kecantikan dan penjagaan peribadi.<br><br>Inisiatif 'Harga Rendah DiKunci Untuk Kekal Rendah' adalah usaha serantau oleh Guardian SEA yang menggariskan bawah komitmen Kumpulan syarikat untuk memastikan keperluan harian seperti mandian, penjagaan rambut, kebersihan diri, vitamin dan makanan | https://www.sinarharian.com.my/article/141620/BISNES/Guardian-Malaysia-turun-kunci-harga-1500-barang-keperluan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | tambahan kekal dengan harga yang berpatutan sepanjang tempoh yang mencabar ini. | |
| 20. | **New Strait Times**<br>2 Jun 2021<br>(*Essential*) | **500,000 eBelia claims on ShopeePay on first day of launch**<br><br>ShopeePay has recorded an overwhelming uptake of about 500,000 claimants for the RM150 e-wallet credit on the first day of the eBelia programme launch.<br><br>In a statement today, Shopee said the extra RM500 worth of vouchers offered youths greater savings on items like learning tools for their studies, or household supplies and groceries for them and the family.<br><br>There will be vouchers from brands such as the official Apple distributor, Switch, JBL, MR DIY, Tesco, L'Oreal and YES Prepaid. | https://www.nst.com.my/business/2021/06/695163/500000-ebelia-claims-shopeepay-first-day-launch |
| 21. | **The Malaysian Reserve**<br>1 Jun 2021<br>(*Non-Essential*) | **Strong auto sector boosts DRB-Hicom profit**<br><br>The group said rising automobile demand, augmented by better performance of operating subsidiary companies, and higher share resulted from joint ventures and associated companies enabled it to record a 28% year-on-year (YoY) rise in revenue in the quarter.<br><br>In the period, the group's revenue rose to RM3.51 billion, from | https://themalaysianreserve.com/2021/06/01/strong-auto-sector-boosts-drb-hicom-profit/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | RM2.74 billion in the corresponding period a year ago.<br><br>As previously, the automotive sector once again outperformed other sectors within the group.<br><br>The sales tax holiday for passenger vehicle purchases that was extended to June 2021 enabled DRB-Hicom's automotive brands to net a revenue worth RM2.58 billion in 1Q21 compared to RM1.81 billion in the same quarter last year. | |
| 22. | **Malay Mail**<br>2 Jun 2021<br>(*Non-Essential*) | **Proton sells 9,440 units in May, down 37.1pc from April**<br><br>Proton Holdings Bhd sold 9,440 units in May, down 37.1 per cent from April due to several factors such as chip shortages and the implementation of the movement control order (MCO).<br><br>However, total volume stood at 57,283 units, giving it a year-to-date market share of 23.5 per cent, an increase of 2.4 per cent over the previous year. | https://www.malaymail.com/news/money/2021/06/02/proton-sells-9440-units-in-may-down-37.1pc-from-april/1979107 |
| 23. | **Malaysia Gazette**<br>2 Jun 2021<br>(*Essential*) | **RON97 naik 2 sen**<br><br>Harga runcit petrol RON97 naik sebanyak 2 sen seliter kepada RM2.63 seliter bagi tempoh 3 Jun 2021 sehingga 9 Jun 2021.<br><br>Manakala harga runcit petrol RON95 kekal pada paras RM2.05 seliter dan diesel RM2.15 seliter. | https://malaysiagazette.com/2021/06/02/ron97-naik-2-sen/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 24. | **The Edge market**<br>3 Jun 2021<br>(*Non-Essential*) | **MINI Malaysia unveils New MINI 3 Door, MINI 5 Door, MINI Convertible**<br><br>MINI Malaysia has unveiled the New MINI 3 Door, MINI 5 Door and MINI Convertible alongside the latest generation of the MINI Electric.<br>BMW Group Malaysia managing director Hans de Visser said the latest variants of the MINI icons represent MINI's excellence in design and technology, as they harmonise the classic MINI go-kart thrill with contemporary needs to stay ahead of the curve.<br>"It comes as no surprise that MINIacs in Malaysia enjoy the go-kart exhilaration that MINI has to offer, an experience we look forward to raising with the new MINI models.<br>. | https://www.theedgemarkets.com/article/mini-malaysia-unveils-new-mini-3-door-mini-5-door-mini-convertible |
| | **G. Subsektor Maklumat & Komunikasi** | | |
| 25. | **Astro Awani**<br>2 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Hari kedua #Lockdown, ramai tonton filem, drama dan 'telemovie' di rumah**<br><br>MEMASUKI hari kedua *'total lockdown'* atau Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 hari ini, pastinya antara aktiviti yang dilakukan rakyat Malaysia ketika berada di rumah adalah menonton televisyen. | https://www.astroawani.com/berita-hiburan/hari-kedua-lockdown-ramai-tonton-filem-drama-dan-telemovie-di-rumah-301190?_ga=2.186706987.222997259.1622709874-1810961571.1564363603 |
| | **H. Subsektor Pentadbiran dan Khidmat Sokongan** | | |
| 26. | **Harian Metro**<br>1 Jun 2021<br>(*Non-Essential*) | **Gesa Pelepasan Cukai Ringan Beban 3,000 Ahli MATTA**<br><br>PERSATUAN Ejen-ejen Pelancongan dan | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/06/712465/gesa-pelepasan-cukai- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Pengembaraan Malaysia (Matta) menggesa kerajaan menyediakan beberapa bentuk pelepasan cukai untuk meringankan beban kewangan kira-kira 3,000 ahlinya kerana mereka sedang mengalami ketiadaan pendapatan dan menanggung hutang yang besar. | ringan-beban-3000-ahli-matta |
| 27. | **Bernama**<br>1 Jun 2021<br>(*Non-Essential*) | **MATTA Harap Bantuan Pemerkasa + dapat Bantu Pemain Industri Pelancongan**<br><br>Antara yang perlu diberi perhatian ialah peningkatan pemberian vaksin kepada rakyat yang akan membantu membuka laluan kepada pembukaan semula sempadan yang lebih cepat sekali gus dapat memulihkan pelancongan dan subsektor yang berkaitan.<br><br>Pengumuman lain yang sangat penting ialah program pemulihan bas, satu langkah yang diminta oleh pihak MATTA kepada kerajaan sejak peringkat awal pandemik. MATTA menganggarkan ahlinya sahaja memiliki lebih 9,000 kenderaan dikelaskan sebagai Bas Persiaran yang kebanyakannya dibeli menerusi syarikat kredit dan pajakan – berdasarkan konteks, sebuah bas pelancongan dengan 40 tempat duduk bernilai antara RM490,000 hingga RM580,000 – pinjaman yang mustahil dapat dilunaskan dengan keadaan sukar pada masa ini dan berpotensi melumpuhkan ekosistem pelancongan jika tidak | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1967351 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | ditangani dengan cepat dan tegas. | |
| 28. | **Daily Express**<br>2 Jun 2021<br>(*Non-Essential*) | **Give Travel Agencies Another RM10K Each: MATTA**<br><br>The Malaysian Association of Tour and Travel Agents (Matta) hopes the government will consider approving further assistance to travel agencies with a grant of RM10,000 each to help them to cover costs and overhead costs. | http://www.dailyexpress.com.my/news/172104/give-travel-agencies-another-rm10k-each-matta/ |
| 29. | **Sinar Harian**<br>3 Jun 2021<br>(*Non-Essential*) | **MOTAC LANJUT KELONGGARAN SYARAT BAGI SYARIKAT PELANCONGAN**<br><br>MOTAC dalam satu kenyataan pada Khamis memaklumkan, perlanjutan dari 1 Julai hingga 31 Disember itu adalah berkaitan kelonggaran dari segi keluasan premis bagi syarikat pengendali pelancongan yang telah berlesen dan kebenaran untuk menjalankan perniagaan lain dalam premis syarikat pengendali pelancongan. | https://www.sinarharian.com.my/article/142068/BERITA/Nasional/MOTAC-lanjut-kelonggaran-syarat-bagi-syarikat-pelancongan |
| | **I. Subsektor Pendidikan** | | |
| 30. | **MalayMail**<br>1 Jun 2021<br>(*Non-Essential*) | **MoHE: International exams, on-campus research may continue with strict SOPs**<br><br>The Higher Education Ministry has decided to conditionally allow research-related activities to continue in higher education institution (HEI) campuses during the “total lockdown” period. | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/06/01/mohe-international-exams-on-campus-research-may-continue-with-strict-sops/1978621 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 31. | **Bernama**<br>3 Jun 2021<br>(*Non-Essential*) | **Latihan Industri: Isu Dan Cabaran Dalam Norma Baharu**<br><br>Disebabkan isu pandemik COVID-19 yang masih belum reda, mod pelaksanaan LI di universiti juga telah berubah. Terdapat program yang menukar mod pelaksanaan LI kepada latihan ilmiah, ada juga program yang mengimplimentasikan pelaksaanaan LI secara dalam talian dan terdapat program yang menukar pelaksanaan LI dalam bentuk tugasan projek video. | https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1967784 |

Penemuan penting & isu:

1. Purata pengguna harian ERL merosot sebanyak 69 peratus pada 2020 berbanding 2019 dan purata penumpang terus menjunam sebanyak 89 peratus pada 1 Mei 2021.

2. Bank digital memiliki fungsi yang hampir sama dengan bank fizikal seperti simpanan, pengeluaran dan pemindahan deposit, kredit dan lain lain perkhidmatan kewangan.

3. Prestasi Kenanga Investment Bank Bhd meningkat pada suku tahun pertama 2021 disumbangkan oleh segmen pembrokeran saham dan segmen pelaburan.

4. Pendapatan AMMB Holdings Bhd. (AmBank Group) melonjak 7.7 peratus bagi suku tahun keempat berakhir 31 Mac 2021.

5. Pakej bantuan bayaran balik pinjaman bagi individu yang kehilangan pekerjaan (B40, M40 dan T20) dan B40 yang menerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) termasuk perusahaan PKS layak moratorium selama tiga bulan atau pengurangan ansuran bulanan sebanyak 50% selama 6 bulan.

6. Bagi peminjam yang mengalami pengurangan pendapatan (termasuk gaji, elaun, komisen dan pendapatan isi rumah) layak untuk pengurangan ansuran bulanan selaras dengan pendapatan yang berkurang.

7. Peniaga kecil makanan menyuarakan yang hasil jualan pada hari pertama PKP tidak dapat menampung kos yang dikeluarkan.

8. Hanya penginapan hotel untuk tujuan kuarantin, pengasingan dan pekerjaan bagi perkhidmatan perlu sahaja dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh sekatan pergerakan penuh mulai hari ini hingga 14 Jun.

9. Protect Health Corporation Sdn Bhd hanya menerima kira-kira 2,000 permohonan daripada GP swasta untuk terbabit dalam pelaksanaan PICK dan sekitar 1,400 sudah dilantik bagi memberikan suntikan vaksin kepada penerima di negara ini.

10. Pulau Pinang akan menggerakkan seluruh jentera sama ada daripada sumber kerajaan ataupun swasta bagi membolehkan proses suntikan imunisasi diselesaikan pada Oktober tahun ini sebagaimana pengumuman Kerajaan Persekutuan semalam.

11. Protect Health Corporation Sdn Bhd (ProtectHealth), yang dilantik sebagai badan pelaksana pembabitan pengamal perubatan swasta dalam PICK memaklumkan hampir 800 daripada 2,600 pengamal perubatan swasta yang sudah berdaftar telah menyatakan kesediaan untuk menjalankan vaksinasi.

12. ProtectHealth menjemput semua 9,200 fasiliti kesihatan swasta yang berdaftar dengan KKM untuk bersama-sama terlibat dalam PICK dan meningkatkan kapasiti dos sehari bagi mencapai imuniti kelompok dengan kadar segera.

13. Toyota dan Honda Motor menghentikan sementara pengeluaran di kilang mereka di Malaysia susulan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan.

14. Subsektor sawit, getah, koko dan lada serta rantaiannya dibenarkan meneruskan operasi sepanjang pelaksanaan penuh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 1 hingga 14 Jun ini.

15. Pengecualian cukai jualan yang telah dilanjutkan untuk sektor automotif hingga akhir Disember 2021, adalah pemangkin kuat untuk mengatasi gangguan terhadap pengeluaran dan penjualan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

16. Semua syarikat perdagangan pengedaran bawah seliaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang dibenarkan berperasi sepanjang tempoh sekatan pergerakan penuh mulai 1 Jun 2021 sehingga 14 Jun 2021 diminta untuk memohon semula surat kebenaran baharu di pautan COVID-19 Intelligent Management Systems (CIMS) Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri.

17. Guardian Malaysia melancarkan inisiatif ‘Harga Rendah DiKunci Untuk Kekal Rendah’ di seluruh negara dengan menurunkan dan mengunci harga 1,500 barangan keperluan kesihatan, kecantikan dan penjagaan peribadi.

18. *ShopeePay has recorded an overwhelming uptake of about 500,000 claimants for the RM150 e-wallet credit on the first day of the eBelia programme launch.*

19. *The sales tax holiday for passenger vehicle purchases that was extended to June 2021 enabled DRB-Hicom's automotive brands to net a revenue worth RM2.58 billion in 1Q21 compared to RM1.81 billion in the same quarter last year.*

20. Pelajar Malaysia yang layak menuntut kredit eBelia sebanyak RM150 seorang daripada kerajaan bermula 1 Jun ditawarkan pelbagai ganjaran menarik sekiranya mereka menebusnya menerusi e-dompet Boost.

21. *Proton Holdings Bhd sold 9,440 units in May, down 37.1 per cent from April due to several factors such as chip shortages and the implementation of the movement control order (MCO).*

22. Harga runcit petrol RON97 naik sebanyak 2 sen seliter kepada RM2.63 seliter bagi tempoh 3 Jun 2021 sehingga 9 Jun 2021.

23. *MINI Malaysia has unveiled the New MINI 3 Door, MINI 5 Door and MINI Convertible alongside the latest generation of the MINI Electric.*

24. Bermula 1 Jun 2021, ASTRO telah menawarkan kepada para pelanggannya aplikasi Disney+ Hotstar iaitu lebih daripada 800 filem dan 18,000 episod termasuk filem pecah panggung dan siri-siri Marvel, kandungan kegemaran Disney, Disney+ Originals, filem-filem dan siri drama tempatan serta Asia yang terkenal.

25. Aktiviti Agensi Pengembaraan masih lagi terkesan akibat pandemik COVID-19. Peningkatan pemberian vaksin kepada rakyat akan membantu pembukaan sempadan negara yang lebih cepat kepada pelancongan antarabangsa. Kemudahan moratorium termasuk oleh agensi kredit membantu meringankan beban khususnya pembayaran pinjaman kenderaan bas pelancong/persiaran.

Maklumbalas Bahagian:

1. Penggantungan perkhidmatan ERL akan memberikan kesan terhadap aktiviti perkhidmatan Perkhidmatan pengangkutan rel penumpang bandar dan pinggir bandar (49212) dalam tempoh rujukan (ST2 2021).

2. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 akan menyebabkan hotel tidak dapat pelanggan yang mencukupi yang menyebabkan penurunan pendapatan dan menjadi satu faktor yang menyumbang kepada pengurangan dan pembuangan pekerja serta penutupan hotel.

3. Lebih banyak penglibatan hospital dan klinik swasta dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan akan menyumbang kepada peningkatan pendapatan hospital dan klinik swasta.

4. Aktiviti pelancongan masih lagi akan terkesan bagi suku tahun kedua.

| C. | Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Bernama**<br>1 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Malaysia's wood-based exports rise to RM6.04 bln in Q1**<br><br>Total exports of the wood-based sector increased 9.9 per cent year-on-year to RM6.04 billion in the first quarter (Q1) of 2021 despite the country facing the pandemic, said the Malaysia Timber Council (MTC).<br><br>Three major export markets – Europe, America and Oceania – showed encouraging growth in exports.<br><br>This is due to the increase in demand for DIY (Do It Yourself) products and wood furniture amonth those working from home as well as higher-than-usual purchases due to importers' concern over supply shortage and rising prices. | https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1968078 |
| 2. | **Bernama**<br>2 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Techfast bags RM1.46 bln supply contract from Wise Marine**<br><br>Components manufacturing firm Techfast Holdings Bhd secured a RM1.46 billion contract to supply low Sulphur fuel oil (LFSO), low Sulphur marine gasoil (LSMGO) and high Sulphur fuel oil (HSFO) | https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1967628 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | to Singapore-based Wise Marine Pte Ltd.<br><br>Fast Energy Sdn Bhd, a wholly-owned unit own by Techfast had entered into a three-year supply agreement with Wise Marine whereby Fast Energy would supply not more than 20,000 tonnes of the products each month to Wise Marine.<br><br>In a separate filling, Techfast said Fast Energy had entered into a joint venture agreement (JVA) with Wise Marine and Fultonn Marine Sdn Bhd to jointly purchase suitable product tankers and carry out O&G trading activities. | |

Penemuan penting & isu:

1. Jumlah eksport sektor berasaskan kayu meningkat 9.9 peratus tahun ke tahun kepada RM6.04 bilion pada suku pertama (Q1) 2021 walaupun negara itu menghadapi wabak Coronavirus, kata *Malaysian Timber Council* (MTC). Tiga pasaran eksport utama - Eropah, Amerika dan Oceania - menunjukkan pertumbuhan eksport yang menggalakkan. Hal ini disebabkan oleh peningkatan permintaan untuk produk DIY (Do It Yourself) dan perabot kayu di antara mereka yang bekerja dari rumah serta pembelian yang lebih tinggi daripada biasa kerana kebimbangan pengimport terhadap kekurangan bekalan dan kenaikan harga.

2. Syarikat pembuatan komponen Techfast Holdings Bhd memperoleh kontrak bernilai RM1.46 bilion untuk membekalkan minyak bahan bakar Sulfur rendah (LFSO), minyak laut Sulfur rendah (LSMGO) dan minyak bahan bakar Sulfur tinggi (HSFO) kepada Wise Marine Pte Ltd. yang berpangkalan di Singapura. Fast Energy Sdn Bhd, unit milik penuh milik Techfast telah mengadakan perjanjian pembekalan tiga tahun dengan Wise Marine di mana Fast Energy akan membekalkan tidak lebih dari 20,000 tan produk setiap bulan kepada Wise Marine. Dalam pengisian yang berasingan, Techfast mengatakan Fast Energy telah mengadakan perjanjian usaha sama (JVA) dengan Wise Marine dan Fultonn Marine Sdn Bhd untuk bersama-sama membeli kapal tangki produk yang sesuai dan menjalankan aktiviti perdagangan O&G.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kayu balak dan barangan berasaskan kayu balak merupakan antara 10 barangan utama yang dieksport bagi suku pertama 2021. Nilai eksport barangan ini bagi suku pertama 2021 adalah RM6,044.8 juta dan menunjukkan peningkatan sebanyak RM542.8 juta atau 9.9 peratus berbanding tahun sebelumnya. Perabot kayu dan rotan merupakan penyumbang terbesar dengan nilai eksport sebanyak RM3,111 juta atau 51.47 peratus diikuti oleh produk kayu balak lain (RM880.9 juta atau 14.5 peratus) dan *plywood* (RM697.5 juta atau 11.54 peratus).

2. Nilai eksport sektor perlombongan bagi April 2021 ialah RM5,672 juta atau 5.4 peratus dari nilai keseluruhan. Sektor perlombongan menunjukkan peningkatan sebanyak RM1,116 juta atau 24.5 peratus berbanding tahun sebelumnya.

3. Nilai eksport bagi kod HS empat digit 27.10: *petroleum products* yang terkandung di dalamnya minyak bahan bakar Sulfur rendah (LFSO), minyak laut Sulfur rendah (LSMGO) dan minyak bahan bakar Sulfur tinggi (HSFO) bagi bulan April 2021 adalah RM8,793 juta dan mencatatkan peningkatan sebanyak RM3,829.8 juta atau 93.5 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya.

| **D.** | **Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Malaysian Reserve**<br>1 Jun 2021<br>*(Non-essential)* | **MCO 3.0: Construction players risk closing down**<br><br>Many construction players can no longer absorb the impact of the Movement Control Order (MCO), now entering total lockdown (MCO 3.0), and risk closing down despite being allowed to operate minimally during the period. | https://themalaysianreserve.com/2021/06/01/mco-3-0-construction-players-risk-closing-down/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | **The Star**<br>1 Jun 2021<br>*(Non-essential)* | **IHS Markit Malaysia's May manufacturing PMI falls to 51.3**<br><br>The headline IHS Markit Malaysia Manufacturing Purchasing Managers' Index (PMI) eased to 51.3 in May 2021 from a record high 53.9 in April. The impact of the latest tightening of restrictions was yet to feed through to official statistics, though the latest PMI data suggest that the sector has stagnated during May. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/06/01/ihs-markit-malaysias-may-manufacturing-pmi-falls-to-513 |
| 3. | **The Star**<br>1 Jun 2021<br>*(Non-essential)* | **MOF: Closing of all sectors may disrupt essential goods and services.**<br><br>Manufacturing sector are being allowed to operate during the movement control order with the capacity of workers limited to 60% to ensure there is supply chain continuity for essential products and services, as well as for the wellbeing of the public. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/06/01/mof-closing-of-all-sectors-may-disrupt-essential-goods-and-services |
| 4. | **Malay Mail**<br>1 Jun 2021<br>*(Essential)* | **After backlash, Putrajaya now says breweries 'not essential' and must stop operating immediately.**<br><br>All factories producing alcohol in Malaysia must close immediately and cannot operate during the total lockdown. | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/06/01/after-backlash-putrajaya-now-says-alcohol-factories-not-essential-and-must/1978779 |
| 5. | **FMT**<br>2 Jun 2021<br>*(Non-essential)* | **Shut it all down to save lives**<br><br>A total lockdown is a must now after 115 Covid-19 clusters involving the workplace were detected within a two-week period in May. | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2021/06/02/shut-it-all-down-to-save-lives-says-tok-mat/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6. | **Malay Mail**<br>2 Jun 2021<br>*(Non-essential)* | **ECRL Terowong Dungun breaks through 6 months ahead of schedule**<br><br>The East Coast Rail Link (ECRL) project has achieved a tunnel breakthrough at the 871m single-bore Terowong Dungun in Terengganu six months ahead of schedule. | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/06/02/ecrl-terowong-dungun-breaks-through-six-months-ahead-of-schedule-says-malay/1979052 |

Penemuan penting & isu:

1. *Many contractors had already been in a dire state due to various additional costs since the Covid-19 outbreak last year. A raw material prices spike while contractors face delayed works due to insufficient workers, strict SOPs and huge cost of swab test.*

2. *The recent rise in COVID-19 cases both at home and in many key overseas markets led to further disruptions during May, which dampened production growth and led to further supply chain delays.*

3. *The recent National Security Council (NSC) meeting had decided to allow strategic industries such as aerospace, oil and gas, manufacturing, and electrical and electronics (E&E) to continue operating. The government will ensure that factories strictly comply with the standard operating procedure which will limit physical presence at the workplace to 60% of staff.*

4. *The government today agrees for all alcoholic beverages factories throughout the country to be closed immediately. Although the permission to operate is given to food and beverages-based factories, but it is only for essential needs only. Therefore, alcoholic beverages factories are not included in the category of essential needs.*

5. *Only sectors that should be allowed to operate are those involved with food, agriculture and health to help reduce the pressure on the healthcare system which is at a critical staFge. The manufacturing and construction sectors were not more important than other sectors which were vulnerable during the lockdown.*

6. *The overall infrastructure works for the tunnel was expected to be completed by the second quarter of 2022, months ahead of schedule barring any unforeseen circumstances. The ECRL will significantly cut travel time and connect Kota Baru with ITT Gombak in approximately four hours. The ECRL will significantly cut travel time and connect Kota Baru with ITT Gombak in approximately four hours.*

Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian mengambil maklum bahawa peningkatan harga bahan mentah adalah antara isu yang dihadapi oleh kontraktor selain kekurangan pekerja, SOP yang ketat dan kos ujian swab yang tinggi dalam tempoh MCO 3.0.

2. Bahagian mengambil maklum bahawa prestasi sektor pembuatan susut kepada 51.3 dalam bulan Mei disebabkan peningkatan kes COVID-19 baru-baru ini di kedua-dua pasaran tempatan dan di kebanyakan pasaran utama luar negara, yang menyekat pertumbuhan pengeluaran dan menyebabkan kelewatan rantaian bekalan.

3. Bahagian mengambil maklum bahawa sektor pembuatan dibenarkan beroperasi dengan kapasiti pekerja hanya terhad kepada 60% sahaja mengikut SOP yang ditetapkan.

4. Bahagian mengambil maklum bahawa semua kilang pembuatan minuman beralkohol di seluruh negara Malaysia diarahkan tutup serta merta dan tidak dibenarkan beroperasi sepanjang '*total lockdown*'.

5. Bahagian mengambil maklum berkenaan sejumlah 115 kluster Covid-19 melibatkan kes di tempat kerja telah dikesan selama tempoh 2 minggu dalam bulan Mei 2021. Penutupan penuh sektor ekonomi dan sosial perlu dilakukan menyeluruh kecuali sektor makanan, pertanian dan kesihatan. Ini adalah untuk mengurangkan tekanan terhadap sistem kesihatan yang sangat kritikal pada waktu ini.

6. Bahagian mengambil maklum berkenaan kejayaan penyiapan dalam tempoh 6 bulan lebih cepat bagi projek ECRL di terowong Dungun Terengganu.

| E. | Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **NST Online**<br>30 Mei 2021<br>(*Essential*) | **13 manufacturing services to operate with 60 per cent capacity**<br><br>A total 13 manufacturing and manufacturing related service (MRS) sectors are allowed to operate with 60 per cent capacity during the lockdown period from June 1 to 14.<br><br>They are aerospace including maintenance, repair and overhaul (MRO); food and beverage; packaging and printing materials; personal care products and cleaning supplies; healthcare and medical care including dietary supplements; Personal Protective Equipment (PPE) including rubber gloves, and fire safety equipment; medical equipment components, electrical and electronics; oil and gas including petrochemical and petrochemical products; chemical products, machinery and equipment; textiles for manufacturing of PPE only; and production, distillation, storage, supply and distribution of fuels and lubricants. | https://www.nst.com.my/news/nation/2021/05/694432/13-manufacturing-services-operate-60-cent-capacity |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | **NST Online**<br>30 Mei 2021<br>*(Essential)* | **Construction works unless critical not allowed during lockdown**<br><br>All construction works are not allowed to operate throughout the first phase lockdown from June 1, except those listed as being critical services. The critical services involve infrastructure repairs at hospitals, traffic lights, MRT, LRT and Komuter railway tracks. It also includes highway projects which are more than 80 per cent complete at hill-slopes, tunnels, bridges and viaducts. | https://www.nst.com.my/news/nation/2021/05/694458/construction-works-unless-critical-not-allowed-during-lockdown |
| 3. | **Harian Metro**<br>1 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Jejaskan bekalan keperluan industri**<br><br>Penutupan ekonomi akan memberi kesan jangka panjang di mana perdagangan dan pelaburan beralih dari Malaysia dan menjejaskan daya saing Malaysia dalam rantaian nilai global. Rantaian bekalan ekosistem yang kompleks yang terdiri daripada sumber manusia, proses, operasi, teknologi dan maklumat yang menghubungkan pengeluar dan pembeli melalui rangkaian entiti dan sumber yang berkaitan. Pembukaan sektor Elektrikal & Elektronik (E&E), sebagai contoh, adalah pengiktirafan bahawa ribuan komponen yang dihasilkan oleh sektor ini membolehkan operasi berterusan infrastruktur kritikal di seluruh dunia. Ianya meliputi peralatan penjagaan kesihatan dan perubatan, sistem bekalan air dan grid tenaga serta rangkaian | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/06/712450/jejaskan-bekalan-keperluan-industri |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | pengangkutan dan telekomunikasi. | |
| 4. | **Channel News Asia (CNA)**<br>3 Jun 2021<br>*(Essential)* | **'The ball is in our court': Johor chief minister on reducing COVID-19 cases and border reopening with Singapore**<br><br>Johor state must focus on reducing the number of COVID-19 cases before discussions on reopening borders with Singapore. Both sides are in agreement that talks to reopen cross-border travel have been put on hold given the COVID-19 situation in Malaysia. It is because of the number of cases recorded, which has kept on rising as far as Johor is concerned and further discussions will only happen when the number of cases shows a downward trend. Malaysian workers in Singapore who hold long-term immigration passes are allowed to apply for short-term leave after working in Singapore for at least 90 consecutive days. However, some have expressed concern about the cost of serving quarantine when entering Singapore. Last month, Singapore announced that those with recent travel history to higher risk countries and regions, including Malaysia, will have to serve a 21-day stay-home notice at dedicated facilities with effect from May 8. | https://www.channelnewsasia.com/news/asia/malaysia-johor-covid19-hasni-mohammad-border-reopening-singapore-14930862 |

| |
|---|
| Penemuan penting & isu:<br>1. Akhbar 1: Hanya 13 kategori pembuatan dibenarkan beroperasi dengan kapasiti sebanyak 60% di bawah perintah kawalan pergerakan bermula daripada 1 Jun hingga 14 Jun 2021. Antara kategori yang dibenarkan adalah pembungkusan dan bahan pencetakan, produk penjagaan diri, bekalan pembersihan, ubat-ubatan dan kesihatan termasuklah *supplement* dan PPE.<br><br>2. Akhbar 2: Semua kerja pembinaan dihentikan operasi sepanjang tempoh Sekatan Pergerakan Penuh fasa pertama mulai 1 Jun, kecuali yang disenaraikan sebagai perkhidmatan kritikal. Waktu beroperasi dan pekerja yang dibenarkan adalah seperti biasa, tetapi pada kapasiti kehadiran dihadkan kepada 60 peratus sahaja.<br><br>3. Akhbar 3: Penutupan sektor ekonomi disebabkan *Total Lockdown* akan mengakibatkan gangguan rantaian bekalan yang juga akan memberi kesan jangka panjang terhadap perdagangan dan pelaburan terhadap Malaysia untuk terus bersaing dalam rantaian nilai global. Justeru, pengumuman MKN terhadap sektor yang dibenarkan beroperasi amat penting untuk mengelakkan kegagalan rantaian bekalan bagi produk dan perkhidmatan perlu. Pembukaan sektor E&E akan membolehkan operasi berterusan infrastruktur kritikal di seluruh dunia dan juga telah memudahkan e-dagang dan pekerjaan jarak jauh dalam norma baru.<br><br>4. Akhbar 4: Perbincangan mengenai perjanjian pembukaan semula sempadan Johor – Singapura telah ditangguhkan sehingga jumlah kes COVID-19 bermula menurun. Ini penting bagi perjalanan rentas negeri antara dua buah negara ini terutamanya rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura. Pada masa yang sama, rakyat Malaysia di Singapura dibenarkan untuk memohon Periodic Commuting Arrangement (PCA) bagi membolehkan perjalanan masuk ke Malaysia selama 90 hari sebelum pulang ke Singapura. |
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Akhbar 1: Pelaksanaan *Total Lockdown* selama 14 hari dan pelaksanaan SOP tempat kerja ke atas sektor pembuatan akan memberi kesan terhadap penyusunan statistik Imbangan Pembayaran terutamanya komponen Barangan. Pada suku pertama tahun 2021, komponen Barangan mencatatkan lebihan RM36.6 bilion berbanding RM42.6 bilion pada suku sebelumnya.<br><br>2. Akhbar 2: Penundaan kerja-kerja pembinaan kecuali yang disenaraikan dalam perkhidmatan kritikal sepanjang pelaksanaan sekatan pergerakan penuh selama 14 hari akan memberi kesan terhadap penyusunan statistik Imbangan Pembayaran, terutamanya bagi komponen Pembinaan. Pada suku pertama tahun 2021, komponen Pembinaan mencatatkan defisit RM718 juta berbanding defisit sebanyak RM358 juta pada suku sebelumnya. |

3. Akhbar 3: Pelaksanaan SOP bagi membenarkan pembukaan sektor penting oleh MKN disebabkan pelaksanaan *Total Lockdown* akan mengelakkan kegagalan rantaian bekalan. Ini seterusnya dapat mengimbangi impak penutupan sektor ekonomi yang tidak penting. Justeru, ini akan memberi kesan terhadap penyusunan statistik Imbangan Pembayaran secara keseluruhannya. Pada suku pertama tahun 2021, Akaun semasa Malaysia mencatatkan lebihan RM12.3 bilion berbanding RM18.6 bilion pada suku sebelumnya.

4. Akhbar 4: Penutupan sempadan semasa antara Johor dan Singapura akan memberi kesan terhadap penyusunan statistik Imbangan Pembayaran, terutamanya bagi komponen Perjalanan. Pada suku pertama tahun 2021, eksport perjalanan mencatatkan RM69 juta manakala import ialah RM3.5 bilion.

| **F.** | **Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Edge**<br>1 Jun 2021<br>*(Essential)* | **MIDF Research: Economic growth to see temporary slowdown due to full lockdown**<br><br>Malaysia's economic growth is expected to see a temporary slowdown as the government introduced a full lockdown due to a record rise in Covid-19 infections.<br>Taking into account the effect of lockdown and tighter movement control, MIDF Research has forecast growth to be at 4.6% this year, lower than its earlier projection of 6.2%.<br>The lockdown is expected to cause consumer spending to weaken. The impact of the lockdown will not be as severe as Movement Control Order (MCO) 1.0 last year because the list of essential sectors is broader as businesses involved in the supply chain of the essential sectors are also allowed to operate. | https://www.theedgemarkets.com/article/midf-research-economic-growth-see-temporary-slowdown-due-full-lockdown |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | **Berita Harian**<br>1 Jun 2021<br>*(Essential)* | **PEMERKASA+ bantu usahawan mikro**<br><br>Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+) akan membantu usahawan termasuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), mengekalkan daya tahan perniagaan sepanjang sekatan pergerakan penuh selama dua minggu.<br>13 inisiatif di bawah PEMERKASA+ yang akan memanfaatkan golongan usahawan terkesan, termasuk bantuan pinjaman bank bersasar bagi PMKS yang tidak dibenarkan beroperasi serta diskaun 30 peratus sewaan premis melalui Program MARA Prihatin.<br>Pemberian insentif itu termasuk bantuan geran dan pembiayaan berjumlah RM11.5 juta yang pastinya akan memanfaatkan usahawan | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/822913/sejuta-pks-peniaga-mikro-dapat-bantuan-gkp-dana-pembiayaan |
| 3. | **Berita Harian**<br>1 Jun 2021<br>*(Essential)* | **PEMERKASA+ reda tekanan golongan pendapatan rendah**<br><br>Pelaksanaan PEMERKASA+ bernilai RM40 bilion bertujuan mengurangkan beban rakyat serta memacu pertumbuhan ekonomi negara.<br>Inisiatif kerajaan melalui Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+) akan membantu meminimumkan tekanan terhadap pendapatan boleh guna kumpulan berpendapatan rendah.<br>PEMERKASA+ turut berupaya memperluaskan aliran tunai | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/06/823143/pemerkasa-reda-tekanan-golongan-pendapatan-rendah |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | perusahaan kecil dan sederhana (PKS), sekali gus membolehkan mereka mengekalkan lebih ramai pekerja. | |
| 4. | **Berita Harian**<br>**3 Jun 2021**<br>*(essential)* | **Profil kredit Malaysia kekal kukuh - Moody's Investors Service**<br><br>Profil kredit Malaysia kekal kukuh pada paras A3 stabil disokong oleh ekonominya yang pelbagai dan kompetitif, menurut Moody's Investors Service.<br><br>Moody's Investors Service tidak menjangkakan pandemik COVID-19 mempunyai impak negatif berterusan terhadap model ekonomi Malaysia meskipun penularan semasa dan gelombang seterusnya akan menangguhkan pertumbuhan, tetapi ia tidak menghalang ekonomi kembali kepada kadar pertumbuhan tinggi.<br><br>A3 adalah penarafan yang mencerminkan negara masih memiliki kedudukan kewangan mantap dan mempunyai rizab tunai dengan risiko kemungkiran bayaran semula hutang yang rendah.<br>Profil kredit Malaysia pada A3 stabil disokong oleh ekonomi yang pelbagai, kompetitif dan sederhana besar, sumber alam sekitar yang mencukupi dan prospek pertumbuhan sederhana yang kukuh. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/06/823850/profil-kredit-malaysia-kekal-kukuh-moodys-investors-service |

Penemuan penting & isu:

1. Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan 3.0. MIDF Research menyemak semula ramalan pertumbuhan KDNK bagi tahun 2021 kepada 4.6 peratus, lebih rendah daripada unjuran sebelumnya sebanyak 6.2 peratus. Walau bagaimanapun, kesan PKP 3.0 dijangka masih terkawal berbanding PKP 1.0 ekoran daripada senarai sektor penting yang lebih luas kerana perniagaan yang terlibat dalam rantaian bekalan sektor penting juga dibenarkan beroperasi.

2. Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+) membantu usahawan termasuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) untuk mengekalkan daya tahan perniagaan sepanjang sekatan pergerakan penuh selama dua minggu. Pemberian insentif berjumlah RM11.5 juta itu termasuk bantuan geran dan pembiayaan yang memberi manfaat kepada usahawan.

3. Pelaksanaan Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+) bernilai RM40 bilion bertujuan mengurangkan beban rakyat serta memacu pertumbuhan ekonomi negara. Inisiatif kerajaan melalui PEMERKASA+ dijangka dapat membantu meminimumkan tekanan terhadap pendapatan boleh guna kumpulan berpendapatan rendah. Selain itu, PEMERKASA+ turut berupaya memperluaskan aliran tunai perusahaan kecil dan sederhana (PKS) seterusnya mempertahankan pekerjaan.

4. Profil kredit Malaysia kekal kukuh pada paras A3 stabil disokong oleh ekonominya yang pelbagai dan kompetitif. Menurut Moody's Investors Service, penarafan paras A3 mencerminkan negara mempunyai kedudukan kewangan mantap dan memiliki rizab tunai dengan risiko kemungkiran bayaran semula hutang yang rendah. Profil kredit Malaysia pada A3 stabil disokong oleh ekonomi yang pelbagai, kompetitif dan sederhana besar, sumber alam sekitar yang mencukupi dan prospek pertumbuhan sederhana yang kukuh.

Maklumbalas Bahagian:

1. MIDF menyemak semula unjuran KDNK bagi tahun ini kepada 4.6 peratus susulan oleh kesan daripada pelaksanaan PKP 3.0 dan sekatan pergerakan penuh yang dilaksanakan bagi membendung penularan pandemik Covid-19. Namun, diharap dengan pelaksanaan PKP 3.0 yang lebih terkawal ini dijangka memberi kesan yang tidak ketara kepada ekonomi.

2. Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+) melalui Geran Khas Prihatin (GKP) memberi impak positif

| | |
|---|---|
| | kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) bagi menyokong perniagaan dalam pemberian insentif sebanyak RM11.5 juta. Selain itu bagi mengekalkan daya tahan perniagaan sepanjang sekatan pergerakan penuh selama dua minggu. Sekaligus dapat mengukuhkan industri PMKS dalam membekalkan rantaian bekalan dalam ekonomi serta membantu meminimumkan pengangguran dalam negara. Bantuan terhadap PMKS ini amat penting kerana ia menyumbang hampir separuh daripada guna tenaga iaitu sebanyak 7.3 juta orang di Malaysia. |

| **G.** | **Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Malaysian Reserve**<br>1 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Duopharma confirms 6.4 mil doses supply of Sputnik V vaccine**<br><br>Duopharma Biotech Berhad through its wholly-owned subsidiary Duopharma (M) Sdn Bhd concluded (DMSB) the execution of separate definitive supply agreements with the Government and a subsidiary of the Russian Direct Investment Fund (RDIF) for the supply of 6.4 million doses of the Sputnik V vaccine. | https://themalaysianreserve.com/2021/06/01/duopharma-confirms-6-4-mil-doses-supply-of-sputnik-v-vaccine/ |
| 2. | **Bernama**<br>1 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Duopharma Biotech tandatangan perjanjian untuk bekalkan vaksin Sputnik V**<br><br>Anak syarikat milik penuh Duopharma Biotech Bhd, Duopharma (M) Sdn Bhd (DMSB), menandatangani perjanjian dengan kerajaan Malaysia, diwakili oleh Kementerian Kesihatan, untuk membekalkan vaksin COVID-19 Rusia. | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1967479 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **Harian Metro**<br>01 Jun 2021<br>(*Essential)* | **Empat juta pengguna daftar e-dompet melalui ePenjana**<br><br>Sebanyak empat juta pengguna e-dompet baharu telah direkodkan semenjak program ePenjana dilancarkan tahun lalu. Selain itu, lebih dari 36,000 peniaga mendaftar dengan penyedia e-dompet.<br><br>Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul menjelaskan melalui Pakej Rangsangan seperti PENJANA, telah menggalakkan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) dan belia untuk beralih ke platform digital untuk menggalakkan belian dan jualan secara dalam talian. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/712583/empat-juta-pengguna-daftar-e-dompet-melalui-epenjana-metrotv |
| 4. | **The Star**<br>1 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Economic stimulus aims to help businesses and people weather lockdown**<br><br>Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said Pemerkasa Plus was anchored on three main goals: to increase public healthcare capacity, continue the rakyat welfare agenda and support business sustainability. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/06/01/economic-stimulus-aims-to-help-businesses-and-people-weather-lockdown |
| 5. | **Sinar Harian**<br>1 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Guardian Malaysia turun, kunci harga 1,500 barang keperluan**<br><br>Guardian Malaysia melancarkan inisiatif 'Harga Rendah DiKunci Untuk Kekal Rendah' di seluruh negara dengan menurunkan dan mengunci harga 1,500 barangan keperluan kesihatan, kecantikan dan penjagaan peribadi. | https://bit.ly/3fY6tbQ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6. | **Kosmo**<br>1 Jun 2021 | **Warga digital pacu usaha pendigitalan negara**<br><br>Generasi warga digital atau 'digital natives' berperanan penting dalam memacu dan menjayakan usaha pendigitalan di negara ini, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin. Perdana Menteri berkata, ia berikutan warga digital negara merangkumi 13.4 peratus atau lebih daripada 3.9 juta penduduk Malaysia. | https://www.kosmo.com.my/2021/06/01/warga-digital-pacu-usaha-pendigitalan-negara/ |
| 7. | **Berita Harian**<br>1 Jun 2021 | **Eksport sektor kayu negara meningkat**<br><br>Jumlah eksport sektor berasaskan kayu meningkat 9.9 peratus kepada RM6.04 bilion pada suku pertama 2021 berbanding tempoh yang sama tahun lalu meskipun negara masih berdepan dengan krisis pandemik, kata Majlis Kayu-Kayan Malaysia (MTC). Ketua Pegawai Eksekutifnya, Muhtar Suhaili, berkata tiga pasaran utama negara ke benua Eropah, Amerika dan Oceania menunjukkan pertumbuhan eksport yang menggalakkan. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/06/823333/eksport-sektor-kayu-negara-meningkat |
| 8. | **New Straits Times**<br>1 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Malaysia's manufacturing health continues improving in May: IHS Markit**<br><br>IHS Markit Malaysia Manufacturing Purchasing Managers' Index (PMI) - a composite single-figure indicator of manufacturing performance - eased from a record high 53.9 in April to 51.3 in May. | https://www.nst.com.my/business/2021/06/695130/malaysias-manufacturing-health-continues-improving-may-ihs-markit |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 9. | **The Edge Market**<br>1 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Manufacturing performance in May dampened by surge in Covid-19 infections**<br><br>The index reading above 50 signals an expansion in manufacturing activity while a reading below 50 indicates a contraction. | https://www.theedgemarkets.com/article/manufacturing-performance-may-dampened-surge-covid19-infections |
| 10. | **Xinhuanet**<br>1 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Malaysia's PMI eases from record high to 51.3 in May**<br><br>IHS Markit states that stricter measures to combat a renewed surge in COVID-19 infections had an adverse impact on production volumes, which moderated following a solid expansion in April. | http://www.xinhuanet.com/english/asiapacific/2021-06/01/c_139982223.htm |
| 11. | **Morningstar**<br>1 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Malaysia Manufacturing in May Dampened by Surge in Covid-19 Infections**<br><br>IHS Markit also suggests that the second quarter will see the strongest manufacturing upturn since the survey began in 2012 but there are concerns that the pandemic could continue to weaken growth in coming months. | https://www.morningstar.com/news/dow-jones/202105315506/malaysia-manufacturing-in-may-dampened-by-surge-in-covid-19-infections |
| 12. | **Reuters**<br>1 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Toyota, Honda temporarily halt production in Malaysia due to COVID-19 lockdown**<br><br>Japanese carmakers Toyota Motor Corp and Honda Motor Co have temporarily suspended production at their factories in Malaysia due to a nationwide coronavirus lockdown. | https://www.reuters.com/world/asia-pacific/toyota-honda-temporarily-halt-production-malaysia-due-covid-19-lockdown-2021-06-01/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 13. | **CNA**<br>1 Jun 2021<br>(*Essential)* | Toyota's subsidiary Daihatsu Motor, which makes compact cars, will also halt production between June 1 and 14.<br><br>All of these automakers are expected to resume production from June 15. | https://www.channelnewsasia.com/news/business/toyota--honda-temporarily-halt-production-in-malaysia-due-to-covid-19-lockdown-14924908 |
| 14. | **Astro Awani**<br>2 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Minyak - OPEC tingkat pengeluaran minyak**<br><br>Pertubuhan Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) merancang untuk meningkatkan pengeluaran 2.1 juta tong minyak setiap hari. Ini bagi mengimbangi kebimbangan wabak COVID-19 yang berterusan di beberapa negara akan mengurangkan permintaan terhadap peningkatan keperluan tenaga dalam pemulihan ekonomi di seluruh dunia. | https://www.astroawani.com/video-dunia/minyak-opec-tingkat-pengeluaran-minyak-1907068 |
| 15. | **The Edge Markets**<br>2 Jun 2021<br>(*Essential)* | **Domestic oil product demand rebounds amid economic recovery efforts, says Mustapa**<br><br>Domestic oil product demand, except for the aviation sector, has rebounded amid ongoing economic recovery efforts, Minister in the Prime Minister's Department (Economy) Datuk Seri Mustapa Mohamed said.<br><br>The aggressive implementation of the Covid-19 vaccination programme has helped the economic activity recovery process in several countries. Tis will indirectly increase consumer | https://www.theedgemarkets.com/article/domestic-oil-product-demand-rebounds-amid-economic-recovery-efforts-says-mustapa |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | confidence and at the same time bounce back oil demand. | |
| 16. | **MalaysiaKini**<br>2 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Industri penghantaran fret gesa vaksin dipercepat, beri amaran kesesakan Pelabuhan**<br><br>Penghantaran fret mendesak kerajaan untuk mempercepat vaksinasi Covid-19 untuk industri mereka.<br><br>"Sekiranya sesuatu berlaku di pelabuhan, ekonomi akan terjejas. Tugas kita adalah menghantar kontena masuk dan keluar dari pelabuhan," katanya. | https://www.malaysiakini.com/news/577254 |
| 17. | **Astro awani**<br>2 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Vaksin COVID-19 untuk warga emas: Grab Malaysia tawar diskaun perjalanan**<br><br>GRAB Malaysia hari ini mengumumkan usahanya untuk membantu warga emas pergi dan balik dari Pusat Pemberian Vaksinasi (PPV) di seluruh negara. | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/vaksin-covid19-untuk-warga-emas-grab-malaysia-tawar-diskaun-perjalanan-301088 |
| 18. | **Metro**<br>2 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Harga RON95 dan diesel kekal, RON97 naik 2 sen**<br><br>Harga runcit petrol RON97 naik dua sen seliter, manakala harga runcit RON95 dan diesel kekal, masing-masing pada RM2.05 dan RM2.15 seliter bagi tempoh 3 hingga 9 Jun ini. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/713123/harga-ron95-dan-diesel-kekal-ron97-naik-2-sen |
| 19. | **Astro awani**<br>3 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Harga siling vaksin di klinik, hospital swasta perlu selaras**<br><br>Kerajaan digesa supaya menyelaraskan harga siling perkhidmatan pemberian vaksin Covid-19 di semua klinik dan | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/harga-siling-vaksin-di-klinik-hospital-swasta-perlu-selaras-dr-malina-301256 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | hospital swasta di seluruh negara. Ia bagi mengelakkan sebarang persepsi kemungkinan ada pihak yang mengambil keuntungan atas angin berikutan peningkatan permintaan terhadap vaksin. | |

Penemuan penting & isu:

1. Vaksin Covid-19 Sputnik daripada Rusia akan dibekalkan oleh Duopharma Biotech Bhd.

2. Menteri Kewangan menyatakan bahawa secara keseluruhan, penyedia perkhidmatan e-dompet yang terbabit dalam eBelia mempunyai 30 juta pengguna aktif dan jaringan lebih 1 juta peniaga di dalam dan di luar talian. Hal ini demikian membolehkan program eBelia dilaksanakan untuk mencapai lebih ramai belia dan pelajar. Manakala, RM70 juta telah dibelanjakan untuk menggalakkan perbelanjaan rakyat dan belia secara dalam talian demi menarik minat Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) dan belia beralih ke platform digital.

3. Peruntukan sebanyak RM322.5 bilion telah diluluskan Parlimen di bawah Belanjawan 2021 di mana sehingga April 2021, sebanyak RM117 bilion telah dibelanjakan. Hal ini demikian bererti terdapat RM215 bilion untuk dibelanjakan sehingga Disember 2021 untuk manfaat rakyat. Tambahan pula, inisiatif kerajaan untuk membantu rakyat adalah seperti kenaikan kadar bantuan kebajikan untuk golongan rentan, Jalinan Digital Negara (JALINAN), Dana Kredit Mikro, eBelia dan lain-lain demi kelangsungan hidup rakyat menghadapi pandemik Covid-19.

4. Inisiatif daripada pihak pembekalan barangan arangan keperluan kesihatan, kecantikan dan penjagaan peribadi bagi membantu pengguna mendapatkan barangan dengan harga berpatutan disamping meneruskan kesinambungan perniagaan mereka.

5. Penggunaan transaksi pembayaran atas talian meningkat sejak penularan wabak Covid-19 pada 2020.

6. Dengan langkah-langkah yang lebih ketat diambil untuk menangani peningkatan baru Covid-19, PMI merekodkan pertumbuhan yang lebih perlahan pada Mei berbanding April 2021. Sektor pengeluaran dijangka akan merekodkan pertumbuhan tertinggi pada suku tahun kedua 2021 namun terdapat kebimbangan penularan Covid-19 akan menjejaskan pertumbuhan pada bulan-bulan akan datang.

7. Toyota Motor Corp dan Honda Motor Co telah menghentikan sementara operasi pengeluaran kereta di kilang di Malaysia dari 1 hingga 14 Jun 2021 kerana penutupan di seluruh negara (lockdown) bagi mengekang penyebaran jangkitan Covid-19.

8. OPEC merancang meningkatkan pengeluaran minyak setiap hari bagi mengimbangi kebimbangan wabak COVID-19 yang berterusan di beberapa negara.

9. Permintaan produk minyak dalam negeri, kecuali sektor penerbangan, telah pulih di tengah usaha pemulihan ekonomi yang berterusan. Pembukaan beberapa subsektor ekonomi juga berperanan dalam meningkatkan permintaan minyak.

10. Pemantau asas pasaran minyak dapat memastikan keseimbangan dan kestabilan pasaran minyak global yang mempengaruhi eknonomi dunia.

11. Harga servis e-teksi daripada GRAB menawarkan diskaun perjalanan pergi dan balik dari pusat vaksinasi kepada warga emas.

12. Industri penghantaran fret menggesa kerajaan untuk untuk mempercepatkan pemberian vaksin kepada pekerja vaksin kerana khuatir akan melambatkan proses kerja di pelabuhan.

13. Permintaan kepada perkhidmatan berubah disebabkan arahan kerajaan.

14. Bagi melindungi pengguna daripada kesan kenaikan harga sebenar minyak di pasaran global, kerajaan mengekalkan harga runcit petrol RON95 pada paras harga siling RM2.05 seliter dan diesel RM2.15 seliter, sungguhpun harga pasaran sebenar bagi kedua-dua produk telah meningkat melebihi paras harga siling yang telah ditetapkan.

15. Harga vaksin Covid-19 di klinik dan hospital swasta perlu diselaras bagi mengelakkan pihak ketiga mengambil kesempatan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian mengambil maklum berkenaan harga vaksin Covid-19 akan diselaraskan oleh Kerajaan.

2. Bahagian mengambil maklum bahawa harga pengangkutan e-teksi GRAB akan beri diskaun kepada warga emas bagi tujuan perjalan ke pusat vaksinasi.

3. Bahagian mengambil maklum akan perubahan operasi perkhidmatan sepanjang tempoh lockdown ini dan sekaligus hal ini akan member kesan kepada harga yang ditawarkan kepada pengguna.

4. Kenaikan harga RON 97 akan memberi tekanan kepada Inflasi kumpulan Pengangkutan, dan bahagian mengambil maklum atas perkara ini.

| H. | Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **AirTimes**<br>1 Jun 2021<br>(non-*Essential*) | **Op Benteng: 3,523 PATI, 211 tekong ditahan sejak Januari 2021**<br><br>Operasi Benteng (Op Benteng) telah berjaya melaksanakan sebanyak 1,339 tangkapan yang melibatkan seramai 3,523 orang pendatang asing tanpa izin (PATI) sejak 1 Januari 2021.O bersepadu ini juga telah berjaya menahan 211 orang tekong dan melaksanakan 229 kes pengusiran. | https://www.airtimes.my/2021/06/01/op-benteng-3523-pati-211-tekong-ditahan-sejak-januari-2021/ |
| 2. | **Berita Harian**<br>2 Jun 2021<br>(non-*Essential*) | **Malaysia catat kematian tertinggi 126 kes hari ini**<br><br>Malaysia mencatatkan kematian harian tertinggi hari ini sejak penularan COVID-19 di negara ini dengan 126 kes dilaporkan setakat tengah hari tadi.<br><br>Pertambahan kes itu menjadikan jumlah keseluruhan kematian di negara ini sebanyak 2,993 kes atau 0.51 peratus daripada jumlah keseluruhan kes. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/823638/malaysia-catat-kematian-tertinggi-126-kes-hari-ini |
| 3. | **KOSMO!**<br>3 Jun 2021<br>(non-*Essential*) | **500,000 eBelia belanja di ShopeePay sehari**<br><br>ShopeePay merekodkan sambutan luar biasa untuk kredit eBelia dengan 500,000 tuntutan dibuat pada hari | https://www.kosmo.com.my/2021/06/03/500000-ebelia-belanja-di-shopeepay-sehari/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaig |

| | | pertama pelancaran program tersebut kelmarin. | n=500000-ebelia-belanja-di-shopeepay-sehari |
|---|---|---|---|

Penemuan penting & isu:

1. Op Benteng yang melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 623 Sekatan Jalan Raya (SJR). Bagi Task Force Operasi Pematuhan pula, PDRM telah menahan 684 individu atas kesalahan ingkar arahan PKP. Daripada jumlah itu, seramai 630 individu dikompaun, 45 direman manakala 9 lagi dijamin. Antara kesalahan ingkar arahan PKP termasuklah mereka yang tidak memakai pelitup mula (175); gagal merekodkan butiran diri atau mendaftar masuk di presmis (143); rentas negeri atau daerah tanpa kebenaran dan makan di premis (83); tidak patuh arahan kawalan pergerakan (79); tiada penjarakan fizikan (77); aktiviti pusat hiburan (9) dan lain-lain kesalahan (118).

2. Kes kematian itu membabitkan 123 warganegara, manakala tiga lagi warga asing sekali gus mengatasi angka kematian tertinggi sebelum ini yang dilaporkan pada 29 Mei lalu iaitu 98 kematian. Kes kematian hari ini membabitkan pesakit berusia antara 26 hingga 98 tahun. Sementara itu, jumlah kes baharu COVID-19 yang dilapor hari ini pula masih merekodkan angka lebih 7,000 selama dua hari berturut-turut iaitu 7,703 kes berbanding 7,105 semalam. Jumlah kes baharu itu menjadikan jumlah kumulatif kes sebanyak 587,165. Selangor kekal merekodkan kes tertinggi iaitu sebanyak 2,728, diikuti Kuala Lumpur 701 kes, Sarawak (588), Negeri Sembilan (586), Johor (554), Kelantan (541), Pulau Pinang (407), Perak (224) dan Sabah (254). Selain itu, Melaka mencatat 209 kes, Kedah (283), Terengganu (224), Pahang (237), Labuan (159), Perlis (7), manakala di Putrajaya hanya satu kes direkodkan. Daripada jumlah kes baharu itu 7,701 adalah kes tempatan membabitkan 6,860 warganegara dan 841 bukan warganegara manakala kes import pula dua terdiri satu warganegara dan satu bukan warganegara. Kes sembuh hari ini pula adalah sebanyak 5,777 menjadikan jumlah kumulatif setakat ini sebanyak 501,898. Seramai 878 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) manakala 441 memerlukan bantuan pernafasan.

3. Penuntut yang berjaya, tidak hanya menerima kredit e-dompet RM150, malah dijamin mendapat baucar tambahan bernilai RM500 yang melibatkan penghantaran percuma, pulangan syiling Shopee, baucar ShopeePay Deals Near Me, kad SIM Yes dengan data percuma serta baucar daripada pelbagai jenama lain. ShopeePay kini diterima di lebih 750,000 titik sentuhan di seluruh negara dan boleh digunakan untuk membuat pembayaran di stesen minyak, kedai makan, pasar raya besar, kedai serbaneka, farmasi dan kedai buku. Program eBelia dibuka kepada rakyat Malaysia berumur 18 hingga 20 tahun

| | |
|---|---|
| | pada tahun 2021 atau pelajar sepenuh masa yang berdaftar dalam kursus setaraf dengan diploma atau Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 4 dan ke atas di institusi pengajian tinggi tempatan. |

Maklumbalas Bahagian:

1. Jumlah Penduduk Bukan Warganegara pada suku tahun pertama 2021 dianggarkan berjumlah 2.84 juta (ST1 2020: 3.01 juta).

2. **Data kematian** pada suku tahun pertama 2021 ialah:
   - Jumlah kematian pada suku tahun pertama 2021 direkodkan sebanyak **43,545 kematian, meningkat sebanyak 0.7 peratus** berbanding suku tahun pertama 2020 (43,226 kematian);
   - Sejumlah 25,076 kematian adalah lelaki sementara 18,469 kematian adalah perempuan; dan
   - Sebanyak **801 kematian disebabkan COVID-19** pada suku tahun pertama 2021, meningkat 70.1 peratus berbanding 471 kematian pada keseluruhan tahun 2020.

3. Perbelanjaan merupakan salah satu soalan di dalam Soal Selidik Banci Malaysia 2020.

| **I.** | **Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br>01 Jun 2021<br>*(Non-Essential)* | **COVID-19 menular dalam kalangan kanak-kanak**<br><br>Sebanyak 82,341 kes COVID-19 dikesan dalam kalangan individu berusia bawah 18 tahun, bagi tempoh antara 25 Januari hingga kelmarin.<br><br>Oleh yang demikian, pihak berkuasa boleh membuka kertas siasatan terhadap mana-mana ibu bapa yang ingkar kerana mendedahkan kanak-kanak berusia bawah 18 tahun kepada COVID-19, dengan membawa mereka ke tempat berisiko, termasuk kawasan sesak. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/823057/covid-19-menular-dalam-kalangan-kanak-kanak |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | **Harian Metro**<br>01 Jun 2021<br>*(Non-Essential)* | **Pendaftaran vaksin golongan OKU rendah**<br><br>Setakat semalam, jumlah pendaftaran untuk menerima suntikan vaksin COVID-19 dalam kalangan orang kurang upaya (OKU) adalah seramai 195,395 orang atau 33.8 peratus berbanding bilangan keseluruhan 577,352 OKU yang berdaftar di seluruh negara.<br><br>Advokasi dan kesedaran serta kerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) akan dipergiatkan dalam usaha membantu mendaftarkan golongan berkenaan berikutan jumlah pendaftaran vaksinasi OKU masih rendah. Di samping itu, perbincangan juga sedang dibuat untuk memberikan vaksinasi secara pandu lalu kepada golongan OKU. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/712612/pendaftaran-vaksin-golongan-oku-rendah |
| 3. | **Berita Harian**<br>01 Jun 2021<br>*(Essential)* | **PEMERKASA+: SSM laksana inisiatif bantu peniaga, PKS**<br><br>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan melaksanakan beberapa inisiatif melalui agensinya Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), dalam merealisasikan matlamat ketiga iaitu menyokong kelangsungan perniagaan susulan pengumuman Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA +).<br><br>SSM bakal memberikan perlanjutan masa 90 hari untuk syarikat dengan tahun kewangan | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/823248/pemerkasa-ssm-laksana-inisiatif-bantu-peniaga-pks |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | berakhir 1 November 2020 hingga 31 Januari 2021. SSM juga memperkenalkan moratorium 30 hari selepas tamat tempoh sekatan pergerakan penuh dan mengurangkan kompaun sebanyak 90 peratus daripada nilai asal bagi permohonan pembatalan nama syarikat. | |
| 4. | **Harian Metro**<br>02 Jun 2021<br>*(Non-Essential)* | **Jaminan warga OKU tidak tercicir terima vaksin**<br><br>Semua warga Orang Kurang Upaya (OKU) di Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur disaran supaya mendaftar dengan Program Vaksinasi OKU dan Penjaga OKU bagi membolehkan mereka menerima suntikan vaksin Covid-19.<br><br>Borang itu yang diisi secara dalam talian, mempelawa semua OKU berumur 18 tahun ke atas sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan JKM untuk mendaftarkan diri secara sukarela dalam Program Vaksinasi OKU dan Penjaga OKU. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/713084/jaminan-warga-oku-tidak-tercicir-terima-vaksin |
| 5. | **Harian Metro**<br>02 Jun 2021<br>*(Non-Essential)* | **Kes Covid-19 kanak-kanak bawah 5 tahun membimbangkan**<br><br>Peningkatan kes Covid-19 dalam kalangan kanak-kanak berusia bawah lima tahun di negara ini amat membimbangkan.<br><br>Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berharap dengan segala maklumat yang diberikan mengenai isu ini dapat menyedarkan semua pihak, | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/713191/kes-covid-19-kanak-kanak-bawah-5-tahun-membimbangkan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | terutamanya ibu bapa dan penjaga mengenai situasi penularan Covid-19 dalam kalangan kanak-kanak. | |
| 6. | **Berita Harian**<br>03 Jun 2021<br>*(Non-Essential)* | **COVID-19: KKM gesa ibu bapa, penjaga proaktif lindungi kanak-kanak**<br><br>Kementerian Kesihatan (KKM) menggesa ibu bapa dan penjaga mengambil tindakan proaktif bagi melindungi kanak-kanak supaya tidak terdedah kepada bahaya jangkitan COVID-19.<br><br>Mereka perlu memantau pergerakan anak-anak agar kekal berada di rumah dan tidak keluar berjumpa kawan atau mengunjungi jiran tetangga untuk mengurangkan pendedahan mereka kepada wabak COVID-19. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/823768/covid-19-kkm-gesa-ibu-bapa-penjaga-proaktif-lindungi-kanak-kanak |

Penemuan penting & isu:

1. Sebanyak 82,341 kes COVID-19 dikesan dalam kalangan individu berusia bawah 18 tahun, bagi tempoh antara 25 Januari 2021 hingga kelmarin.

2. Jumlah pendaftaran untuk menerima suntikan vaksin Covid-19 dalam kalangan orang kurang upaya (OKU) setakat semalam adalah seramai 195,395 orang atau 33.8 peratus berbanding bilangan keseluruhan 577,352 OKU berdaftar di seluruh negara.

3. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan melaksanakan beberapa inisiatif melalui agensinya iaitu Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), bagi merealisasikan matlamat ketiga iaitu menyokong kelangsungan perniagaan susulan pengumuman Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA +).

4. Semua warga Orang Kurang Upaya (OKU) di Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur disaran supaya mendaftar dengan Program Vaksinasi OKU

dan Penjaga OKU bagi membolehkan mereka menerima suntikan vaksin Covid-19.

5. Peningkatan kes Covid-19 dalam kalangan kanak-kanak berusia bawah lima tahun di negara ini amat membimbangkan.

6. Kementerian Kesihatan (KKM) menggesa ibu bapa dan penjaga mengambil tindakan proaktif bagi melindungi kanak-kanak supaya tidak terdedah kepada bahaya jangkitan COVID-19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kanak-kanak adalah antara golongan yang berisiko tinggi untuk dijangkiti COVID-19. Oleh itu, ibu bapa dan penjaga haruslah memainkan peranan untuk mengikut SOP, tidak membawa mereka ke tempat berisiko dan sentiasa memastikan persekitaran mereka selamat. Merujuk kepada Statistik Kanak-kanak 2020, kanak-kanak bawah umur 18 tahun dan 5 tahun masing-masing dianggarkan berjumlah 9,247.5 ribu dan 2,542.2 ribu pada tahun 2020.

2. Ibu bapa atau penjaga orang kurang upaya (OKU) haruslah menjalankan tanggungjawab untuk mendaftar golongan ini bagi mendapatkan vaksin COVID-19. Tindakan tersebut perlu dilakukan untuk melindungi mereka daripada terdedah kepada wabak COVID-19. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019, bilangan kumulatif OKU yang berdaftar di Malaysia pada tahun 2019 adalah seramai 548,195 orang.

3. Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA +) yang diumumukan merupakan inisiatif kerajaan untuk meringankan beban Perusahaan Kecil Sederhana (PKS). Merujuk kepada Survei Sektor Informal 2019, bilangan tenaga kerja di dalam sektor informal adalah sebanyak 1.26 juta orang.

| **J.** | **Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Sinar Harian**<br>31 Mei 2021 | **Rayu benarkan penjual durian berniaga, elak kerugian besar**<br><br>Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) diminta untuk membenarkan penjualan durian dan buah-buahan bermusim lain di kawasan tertentu dalam tempoh perlaksanaan sekatan pergerakan penuh bermula 1 Jun ini. | https://www.sinarharian.com.my/article/141423/EDISI/Rayu-benarkan-penjual-durian-berniaga-elak-kerugian-besar |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Buah durian, manggis, cempedak dan rambutan merupakan perniagaan bermusim sekali gus mampu mengelakkan kerugian besar jika tidak dapat menjual hasil buah-buahan tersebut | |
| 2. | **BeritaHarian**<br>26 Mei 2021 | **Bekalan makanan negara stabil, tidak perlu panik**<br><br>Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menganggarkan keperluan antara 100,000 hingga 150,000 tan beras dalam tempoh dua minggu pelaksanaan sekatan pergerakan penuh, yang bermula esok. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/822617/bekalan-makanan-negara-stabil-tidak-perlu-panik |
| 3. | **BeritaHarian**<br>30 Mei 2021 | **Permintaan ayam, ikan dan makanan tin meningkat**<br><br>GEORGETOWN- Ayam segar, ikan, sayur dan makanan dalam tin antara barangan basah yang mendapat permintaan tinggi daripada pembeli dalam persediaan menghadapi Sekatan Pergerakan Penuh ('total lockdown') pada 1 Jun ini 2021. | https://www.sinarharian.com.my/article/141340/EDISI/Permintaan-ayam-ikan-dan-makanan-tin-meningkat |
| 4. | **Bernama**<br>31 Mei 2021 | **PKP Penuh: 43 lokasi Pasar Segar Terkawal dibuka – FAMA**<br><br>Sebanyak 43 lokasi Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara akan dibuka, dalam tempoh sekatan pergerakan penuh bermula esok, menurut Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). | https://www.bernama.com/v2/bm/news.php?id=1967094 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 5. | **Sinar Harian**<br>31 Mei 2021 | **Pastikan rantaian bekalan perikanan beroperasi**<br><br>Kerajaan diminta memastikan rantaian bekalan sektor perikanan dapat terus beroperasi sepanjang pelaksanaan sekatan pergerakan penuh sektor sosial dan ekonomi di seluruh negara bermula 1 hingga 14 Jun. | https://www.utusan.com.my/terkini/2021/05/pastikan-rantaian-bekalan-perikanan-beroperasi/ |
| 6. | **Sinar Harian**<br>1 Jun 2021 | **Syarikat agrikomoditi, pekebun kecil boleh guna surat kelulusan KPPK**<br><br>PUTRAJAYA - Semua syarikat, ladang dan pekebun kecil agrikomoditi bagi subsektor yang diluluskan dibenarkan menggunakan surat kelulusan oleh Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi (KPPK) dan agensi. | https://www.sinarharian.com.my/article/141630/BERITA/Nasional/Syarikat-agrikomoditi-pekebun-kecil-boleh-guna-surat-kelulusan-KPPK |
| 7. | **Utusan Melayu**<br>1 Jun 2021 | **Petani Perak 'pening', dakwa sayur tak terjual**<br><br>BAGAN SERAI: Petani mula 'pening' apabila hasil pertanian khususnya sayur-sayuran tidak laku berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara menyeluruh. | https://www.utusan.com.my/terkini/2021/06/petani-perak-pening-dakwa-sayur-tak-terjual/ |
| 8. | **Harian Metro**<br>1 Jun 2021 | **Pelanggan 'dingin' tapi peniaga tetap lega**<br><br>Melaka: "Saya tetap bersyukur walaupun sambutan pelanggan agak 'dingin' pada hari pertama 'total lockdown' (sekatan pergerakan penuh)," ujar peniaga goreng pisang, Azmizi Ismail ,41, yang berniaga di Sungai Udang di sini, tadi. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/712710/pelanggan-dingin-tapi-peniaga-tetap-lega |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 9. | **Malaysia Gazette**<br>1 Jun 2021 | **Pengusaha bimbang lambakan durian akibat total lockdown**<br><br>Pengusaha durian situasi musim kali ini pasti agak berbeza berbanding tahun lepas apabila kerajaan melaksanakan Sekatan Pergerakan Penuh (SPP). | https://malaysiagazette.com/2021/06/01/pengusaha-bimbang-lambakan-durian-akibat-total-lockdown/ |
| 10. | **The Malaysian Reserve**<br>1 June 2021 | **Total lockdown to cut glove production**<br><br>THE latest round of the Movement Control Order (MCO) is expected to slash glove companies' production volume, but pricing could increase due to global supply shortage.<br><br>CGS-CIMB Securities Sdn Bhd analyst Walter Aw said the 60% workforce requirement under the new MCO would likely lead to lower glove production output during the period. | https://themalaysianreserve.com/2021/06/01/total-lockdown-to-cut-glove-production/ |
| 11. | **Harian Metro**<br>2 Jun 2021 | **Selangor sedia RM500,000 beli lambakan pertanian**<br><br>Kerajaan negeri memperuntukkan RM500,000 untuk membeli lambakan hasil pertanian di Selangor menerusi Program Agro Prihatin Selangor. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/713139/selangor-sedia-rm500000-beli-lambakan-pertanian |
| 12. | **Bernama**<br>31 Mei 2021 | **MCA Urges Penang Govt To Withdraw Proposed Water Tariff Hike**<br><br>Penang MCA has urged the state government to withdraw Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang's (PBAPP) water tariff hike proposal which had been submitted to the National Water Service Commission (SPAN). | https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=1966920 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 13. | **Utusan**<br>1 Jun 2021 | **SWM Environment kekal operasi sepanjang sekatan pergerakan penuh**<br><br>Perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam oleh SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) akan diteruskan seperti biasa sepanjang tempoh penguatkuasaan sekatan pergerakan penuh. | https://www.utusan.com.my/terkini/2021/06/swm-environment-kekal-operasi-sepanjang-sekatan-pergerakan-penuh/ |
| 14. | **Utusan**<br>1 Jun 2021 | **Electricity supply services, forest, wildlife management allowed to operate**<br><br>Electricity supply services, the management of forestry, wildlife and protected areas are allowed to operate throughout the enforcement of the total lockdown, as stated by Energy and Natural Resources Minister Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah. | https://www.thesundaily.my/local/electricity-supply-services-forest-wildlife-management-allowed-to-operate-FG7923575 |

Penemuan penting & isu:

1. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) diminta untuk membenarkan penjualan durian dan buah-buahan bermusim lain di kawasan tertentu dalam tempoh perlaksanaan sekatan pergerakan penuh bermula 1 Jun 2021 ini bagi mengelakkan kerugian besar jika tidak dapat menjual hasil buah-buahan tersebut.

2. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menganggarkan keperluan antara 100,000 hingga 150,000 tan beras dalam tempoh dua minggu pelaksanaan sekatan pergerakan penuh. MAFI juga akan terus bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta kementerian yang lain dalam memastikan bekalan makanan negara terus berada dalam tahap yang stabil, mencukupi dan terkawal sepanjang masa,

3. Ayam segar, ikan, sayur dan makanan dalam tin antara barangan basah yang mendapat permintaan tinggi daripada pembeli dalam persediaan menghadapi Sekatan Pergerakan Penuh ('total lockdown') pada 1 Jun 2021. Keadaan ini

menimbulkan kebimbangan sekiranya pengguna terus membeli barangan dengan jumlah yang banyak tanpa kawalan, harga barangan akan meningkat secara mendadak.

4. Sebanyak 43 lokasi Pasar Segar Terkawal (PST) di seluruh negara akan dibuka, dalam tempoh sekatan pergerakan penuh menurut Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

5. Kerajaan diminta memastikan rantaian bekalan sektor perikanan dapat terus beroperasi sepanjang pelaksanaan sekatan pergerakan penuh sektor sosial dan ekonomi di seluruh negara bermula 1 hingga 14 Jun. Ia bagi memastikan kejadian nelayan pantai tidak dapat menjual hasil tangkapan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 tidak berulang. Terdapat juga kebimbangan terhadap isu peraih enggan membeli hasil tangkapan dan masalah logistik seperti pengangkutan bagi hasil laut

6. Semua syarikat, ladang dan pekebun kecil agrikomoditi bagi subsektor yang diluluskan dibenarkan menggunakan surat kelulusan oleh Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi (KPPK) dan agensi.

7. Petani mula ‘pening’ apabila hasil pertanian khususnya sayur-sayuran tidak laku berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara menyeluruh. Petani mula terkesan seawal hari pertama PKP 3.0 apabila lambakan seperti timun, cili, pisang dan jagung di ladang serta kebun kecil telah berlaku.

8. Peniaga goreng pisang tetap bersyukur walaupun sambutan pelanggan agak 'dingin' pada hari pertama 'total lockdown' (sekatan pergerakan penuh). Situasi sekatan pergerakan penuh dikenakan kerajaan kali ini lebih teratur berikutan orang ramai lebih bersedia dan pernah melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 dan 2.0 sebelum ini.

9. Ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan, selain kekurangan pelanggan, kebanyakan pemilik dusun serta peniaga durian kini bimbang harga raja buah itu menurun mendadak memandangkan dua minggu lagi durian akan luruh sepenuhnya. Situasi tahun ini juga agak berbeza kerana SPP ini menyekat pergerakan peniaga dan pembeli. Durian kini dijual dari harga serendah RM18 hingga RM90 mengikut jenis tetapi para peniaga ada berdepan penurunan harga mendadak dua minggu akan datang apabila lambakan buah.

10. *The latest round of the Movement Control Order (MCO) is expected to slash glove companies’ production volume, but pricing could increase due to global supply shortage.The 60% workforce requirement under the new MCO would likely lead to lower glove production output during the period.*

11. Kerajaan Negeri Selangor memperuntukkan RM500,000 untuk membeli lambakan hasil pertanian menerusi Program Agro Prihatin Selangor. Urusan pembelian akan dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri Selangor, FAMA serta seluruh jabatan dan agensi di bawah Jawatankuasa Pertanian & Perladangan dan Industri Asas Tani.

12. *Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang's (PBAPP) proposed water tariff review could put a heavy burden on Penangites, especially in the midst of the COVID-19 pandemic. After reviewing the proposed water tariff, the average household water tariff will be increased by more than 100 per cent (if implemented). According to the proposed water tariff, the first 20 cubic metres of water would be charged at RM0.55 per cubic metre, followed by the subsequent 15 cubicmetres of water at RM1.00 per cubic metre. Any further consumption after 35 cubic metres of water would be charged at RM2.00 per cubic metre.Depending on the amount of water consumption, the monthly water bill would increase by as much as RM3 to RM15. The monthly water bill for household users consuming 25 cubic metres of water is RM6.70, but with the new water tariff, household users would have to pay RM16.50 for the same amount of water consumption.*

13. Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Mohd. Norlisam Mohd. Nordin berkata, pengalaman pada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu dijadikan panduan pihaknya menguruskan sisa buangan. Beliau memohon kerjasama penduduk untuk memastikan tiada halangan kenderaan di sepanjang laluan perkhidmatan serta di sekitar tong sampah beroda dan rumah sampah berpusat. Penduduk juga disaran menguruskan sisa buangan mereka secara tertib terutamanya sisa pelitup muka bagi mengelakkan risiko jangkitan Covid-19.

14. *The activities allowed under the electricity supply sector in the peninsula and Sabah are supply restoration, repair work and electricity supply system operations. System consolidation and critical maintenance for the electricity supply system set by Tenaga Nasional Berhad (TNB) and Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) are also allowed. Kedai Tenaga operations in the peninsula is allowed from 9am till 1pm while customer service centres in Sabah will not be open throughout the total lockdown. Companies that have yet to receive official approval from the ministry to operate can submit their applications through the Covid-19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0 website managed by the International Trade and Industry Ministry (MITI).*

Maklumbalas Bahagian:

1. Statistik pengeluaran dan penggunaan bagi komoditi agromakanan terpilih (36 jenis item termasuk beras) diterbitkan di dalam penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih secara tahunan. Item buah-

buahan, sayur-sayuran, perikanan dan ternakan merupakan item yang diliputi. Bahagian dari masa ke semasa memantau dan melihat perkembangan kepada pengeluaran dan permintaan sumber makanan utama ini dengan kerjasama daripada agensi DOA, MOA, DOV dan DOF.

2. Merujuk kepada lambakan bekalan pertanian berlebihan yang akan menyebabkan kerugian, BPPAS memberi perhatian kepada perkara ini yang mana kerugian merupakan salah satu komponen dalam pengiraan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi (SUA). Justeru, BPPAS akan membawa isu ini di dalam mesyuarat Jawatankuasa (JK) Teknikal untuk melihat kadar kerugian (loss) mengikut item pertanian pada tahun 2021.

3. Penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih (SUA) juga meliputi item perikanan. Antara item perikanan yang diliputi adalah Udang, Tuna, Mackerel, Ketam, Sotong dan Tilapia. Tiga daripada enam Perikanan Terpilih merekodkan SSR melebihi 100 peratus pada 2019 iaitu Udang, Sotong dan Tilapia. Sotong kekal SSR tertinggi iaitu 109.2 peratus manakala SSR mackerel kekal terendah (84.5%).

4. Pengeluaran getah asli Malaysia menurun 27.6 peratus pada Mac 2021 kepada 36,068 tan metrik berbanding 49,840 tan metrik pada bulan sebelumnya. Sebaliknya, perbandingan tahun ke tahun menunjukkan peningkatan 4.5 peratus. Sarung tangan getah merupakan item eksport utama dengan nilai eksport RM6.4 billion pada Mac 2021, meningkat sebanyak 9.4 peratus berbanding Februari 2021 (RM5.8 billion). Amerika Syarikat adalah negara pengimport tertinggi sarung tangan getah diikuti Jerman dan China.

5. BPPAS mengambil maklum kenyataan daripada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) untuk mencadangkan kadar tarif air baru kepada pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang bertujuan untuk mengurangkan beban penduduk Pulau Pinang yang terjejas semasa pandemik Covid-19. 20 meter padu air pertama akan dikenakan harga RM0.55 setiap meter padu, diikuti dengan 15 padu air berikutnya pada harga RM1.00 per meter padu dan penggunaan air selanjutnya pada 35 meter padu akan dikenakan pada harga RM2.00 per meter padu. Berikut adalah kadar taraf air domestik di negeri Pulau Pinang pada 2019 yang terdapat di dalam penerbitan Kompendium Perangkaan Alam Sekitar 2020 seperti jadual di bawah:

**Kadar tarif air bagi domestik, Pulau Pinang, 2019**

| | Semakan tariff terakhir | Purata tarif air (RM/m$^3$) | | |
|---|---|---|---|---|
| | | 20m$^3$ pertama | 30m$^3$ pertama | 35m$^3$ pertama |
| **Purata negara** | | **0.52** | **0.65** | **0.69** |
| Pulau Pinang | 2015 | 0.22 | 0.30 | 0.32 |

Sumber data: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

6. BPPAS mengambil maklum berkaitan pengoperasian pertubuhan ini sepanjang tempoh PKP 3.0 ini. Berdasarkan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam adalah diliputi di bawah sub-sektor bekalan air, pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan. Sub-sektor ini boleh dikategorikan kepada enam kumpulan (3 digit) iaitu:
   a. penakungan, perawatan dan bekalan air
   b. pembetungan
   c. pengumpulan sisa
   d. rawatan dan pelupusan sisa
   e. pemulihan semula bahan
   f. aktiviti pemulihan dan lain-lain perkhidmatan pengurusan sisa

   Berdasarkan penemuan Statistik Ekonomi Tahunan 2018 (TR 2017), sub-sektor ini mencatatkan pertumbuhan 8.1 peratus pada nilai output kasar kepada RM14.4 bilion berbanding tahun 2015. Nilai ditambah pula telah meningkat kepada RM7.0 bilion berbanding RM5.9 bilion pada 2015 iaitu 8.7 peratus setahun. Manakala jumlah nilai input perantaraan turut meningkat 7.6 peratus setahun daripada RM6.4 bilion kepada RM7.4 bilion dalam tempoh yang sama.

| K. | Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Bernama**<br>3 Jun 2021<br>*(Non-essential)* | **MDEC mulakan '100 Go Digital Coaching' bantu perniagaan ke arah pendigitalan**<br><br>*Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) memulakan program 100 *Go Digital Coaching* edisi 2021 untuk membolehkan perniagaan dalam sektor utama bergerak ke arah pendigitalan | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1968249 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | perniagaan mereka. Program ini bagi memastikan perniagaan terus berdaya saing, mampan dan mencatatkan keuntungan semasa pandemik dan bertujuan untuk menyokong kira-kira 875,000 perusahaan kecil dan sederhana serta mikro (PKSM) dalam platform digital menjelang 2025. | |
| 2. | **The Edge Market**<br>3 Jun 2021<br>*(Non-Essential)* | **Bus operators push for moratorium or loan reduction from credit companies**<br><br>Bus operators are urging credit companies providing loans or hire purchase instalments to consider adopting a moratorium as announced by the Government, or at least reduce the loan repayments. An independent bus committee meanwhile wanted the Taxi and Bus Hire Purchase Rehabilitation Scheme to benefit bus operators from the B40 to T20 groups. PEMERKASA Plus offer the Bus and Taxi Hire Purchase Rehabilitation Scheme worth RM1 billion, a 12-month loan moratorium. | https://www.theedgemarkets.com/article/bus-operators-push-moratorium-or-loan-reduction-credit-companies |
| 3. | **The Edge Market**<br>3 Jun 2021<br>*(Essential)* | **CIMS 3.0: 15 ministries have approved 21.86% of companies applying to operate**<br><br>A total of 128 150 companies (1.57 million workers) out of 586,308 companies (10.2 million) or 21.86% had obtained | https://www.theedgemarkets.com/article/586308-companies-102-million-workforce-registered-under-cims-30-%E2%80%94-miti |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | approval to operate during the movement control order (MCO) 3.0. The approval under Covid-19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0 administered by the Ministry of International Trade and Industry (MITI) involves various other sectors from 15 ministries that falls under 17 essential services. | |
| 4. | **The Edge Market**<br>2 Jun 2021<br>(*Essential)* | **PEMERKASA Plus: Socso extends deadline for PSU application to July 31**<br><br>The Social Security Organisation (Socso) has announced the extension of the application deadline for the Wage Subsidy Programme (PSU) from June 30 to July 31. Subsidy would be channeled automatically to employers who have applied under PSU 3.0 and they only needed to update the list of employees. Employers need to submit a new application on if they have applied for PSU 1.0 or PSU 2.0, but not PSU 3.0. | https://www.theedgemarkets.com/article/pemerkasa-plus-socso-extends-deadline-psu-application-july-31 |
| 5. | **The Edge Market**<br>1 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Extension of Wage Subsidy Programme applies to all sectors, says Zafrul**<br><br>The one-month extension of the Wage Subsidy Programme to the end of July will apply to companies from all sectors. Government is providing another RM1.5 billion under the | https://www.theedgemarkets.com/article/extension-wage-subsidy-programme-applies-all-sectors-says-zafrul |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | programme to subsidise up to 500 employees per company, benefitting some 2.5 million employees and 200,000 employers. This brings the total allocation provided by the government for the Wage Subsidy Programme [since MCO 1.0] to above RM20 billion. | |
| 6. | **The Edge Market**<br>1 Jun 2021<br>(*Essential)* | **517,144 companies registered under CIMS 3.0 as of noon**<br><br>A total of 517,144 companies with a total workforce of 9.67 million were registered under the Covid-19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0 administered by the Ministry of International Trade and Industry (MITI) and 95,142 companies had obtained the approvals. 1.2 million workers of the approved companies are allowed to work on the premises. | https://www.theedgemarkets.com/article/517144-companies-registered-under-cims-30-noon |

Penemuan penting & isu:

1. *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) memulakan program '100 *Go Digital Coaching'* edisi bertujuan bagi menyokong kira-kira 875,000 perusahaan kecil dan sederhana serta mikro (PKSM) dalam platform digital menjelang 2025. Langkah ini bagi memastikan perniagaan terus berdaya saing, mampan dan mencatatkan keuntungan semasa pandemik.

2. Pengusaha bas menggesa syarikat yang menyediakan pinjaman kredit dan ansuran sewa beli untuk mempertimbangkan pelaksanaan moratorium seperti yang diumumkan kerajaan, atau sekurang-kurangnya mengurangkan pembayaran pinjaman. Sebuah gabungan bebas pengusaha bas memohon supaya Skim Rehabilitasi Sewa Beli Bas dan Teksi diperluas kepada pengusaha bas dari kumpulan B40 hingga T20.

PEMERKASA Plus menawarkan Skim Rehabilitasi Sewa Beli Bas dan Teksi iaitu moratorium pinjaman 12 bulan yang bernilai RM1 bilion.

3. Sejumlah 128,150 syarikat (1.57 juta pekerja) atau sebanyak 21.86 peratus daripada 586,308 syarikat (10.2 juta pekerja) telah mendapat kelulusan untuk beroperasi semasa Printah Kawalan Pergerakan 3.0. Kelulusan di bawah *Covid-19 Intelligent Management System* (CIMS) 3.0 kendalian Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melibatkan pelbagai sektor daripada 15 Kementerian yang meliputi 17 kategori perkhidmatan perlu.

4. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mengumumkan pelanjutan tarikh tutup permohonan Program Subsidi Upah (PSU) daripada 30 Jun ke 31 Julai. Subsidi akan disalurkan secara automatik kepada majikan yang telah memohon di bawah PSU 3.0 dan hanya perlu mengemaskini senarai pekerja sahaja. Permohonan baru perlu dilaksanakan sekiranya hanya pernah memohon semasa PSU 1.0 dan PSU 2.0.

5. Pelanjutan PSU selama satu bulan sehingga akhir Julai akan melibatkan syarikat daripada semua sektor. Kerajaan menyediakan tambahan RM1.5 bilion di bawah program ini yang akan memberi manfaat kepada 2.5 juta pekerja dan 200 ribu majikan melibatkan sehingga 500 pekerja bagi setiap syarikat.

6. Sejumlah 517,144 syarikat melibatkan 9.67 juta pekerja telah mendaftar di dalam CIMS 3.0 kendalian MITI. Sebanyak 95,142 syarikat dengan 1.2 juta pekerja telah diluluskan permohonan untuk beroperasi.

Maklumbalas Bahagian:

1. Statistik utama tenaga buruh pada ST1 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
   i) Tenaga buruh: 16,008.4 ribu
   ii) Penduduk bekerja: 15,236.5 ribu
   iii) Penganggur: 771.8 ribu
   iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.6 peratus
   v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus

2. Berikut merupakan statistik penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan yang diterbitkan menerusi Laporan Tenaga Buruh bagi tempoh ST1 2021:
   i) Majikan: 491.4 ribu (Sumbangan: 3.2%)
   ii) Pekerja: 11,941.4 ribu (Sumbangan: 78.4%)
   iii) Bekerja sendiri: 2,351.8 ribu (Sumbangan: 15.4%)
   iv) Pekerja keluarga tanpa gaji: 452.0 ribu (Sumbangan: 3.0%)

3. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat berkaitan jawatan diisi mengikut aktiviti ekonomi berdasarkan SGT ST1 2021:
   i) Jumlah jawatan diisi adalah sebanyak 8,260 ribu, di mana yang tertinggi direkodkan di sektor Perkhidmatan dengan 4,348 ribu (52.6%). Ini diikuti sektor Pembuatan sebanyak 2,160 ribu (26.1%) dan sektor Pembinaan sebanyak 1,234 ribu jawatan diisi (15.0%).
   ii) Jawatan diisi di sektor Perkhidmatan disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong dan runcit sebanyak 1,560 ribu (18.9%). Ini diikuti oleh subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan sebanyak 904 ribu (10.9%) manakala Makanan & minuman dan penginapan sebanyak 786 ribu (9.5%).
   iii) Sektor Pembuatan didominasi oleh subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal sebanyak 564 ribu (6.8%) diikuti Produk petroleum, kimia, getah dan plastik sebanyak 412 ribu (5.0%).
   iv) Pewujudan jawatan adalah sebanyak 17.4 ribu, di mana tertinggi direkodkan di sektor Pembuatan dengan 7.8 ribu (42.4%) dan diikuti dengan sektor Perkhidmatan dengan 6.4 ribu (36.6%).

4. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST1 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:
   i) Pertanian: 1,861 ribu orang (Sumbangan: 12.2%)
   ii) Perlombongan dan pengkuarian: 73 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
   iii) Pembuatan: 2,594 ribu orang (Sumbangan: 17.0%)
   iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
   v) Perkhidmatan: 9,318 ribu orang (Sumbangan: 61.2%)
   vi) Jumlah: 15,237 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)

5. Guna tenaga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengikut aktiviti ekonomi pada tahun 2019 adalah seperti berikut:
   i) Pertanian: 776 ribu orang (Sumbangan: 10.6%)
   ii) Perlombongan dan pengkuarian: 21 ribu orang (Sumbangan: 0.3%)
   iii) Pembuatan: 1,192 ribu orang (Sumbangan: 16.3%)
   iv) Pembinaan: 707 ribu orang (Sumbangan: 9.7%)
   v) Perkhidmatan: 4,623 ribu orang (Sumbangan: 63.2%)
   vi) Jumlah: 7,319 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)